



2016

# LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL



## HOSPITAL SEBERANG JAYA

Jalan Tun Hussein Onn, 1370 Seberang Jaya, Pulau Pinang.

Tel : 04-3827333

Faks : 04-3970754

Email : [hsj\\_pro@moh.gov.my](mailto:hsj_pro@moh.gov.my)

## ISI KANDUNGAN

## MUKA SURAT

SIDANG REDAKSI	2
PERUTUSAN PENGARAH HOSPITAL	3
CARTA ORGANISASI	4
PROFIL HOSPITAL	5
VISI, MISI DAN PIAGAM PELANGGAN	6
LAMBANG KORPORAT	7
KETUA-KETUA JABATAN / UNIT	8
LAPORAN JABATAN DAN UNIT	
1.0    JABATAN PENGURUSAN	9
2.0    JABATAN PERUBATAN	36
3.0    JABATAN PEMBEDAHAN	46
4.0    JABATAN ORTOPEDIK	52
5.0    JABATAN ANESTHESIA	55
6.0    JABATAN KECEMASAN DAN TRAUMA	62
7.0    JABATAN PEDIATRIK	71
8.0    JABATAN OBSTETRIK DAN GINEKOLOGI	78
9.0    JABATAN PATOLOGI	86
10.0   JABATAN FARMASI DAN BEKALAN	96
11.0   JABATAN DIATETIK DAN SAJIAN	102
12.0   JABATAN PAKAR BEDAH MULUT	106
13.0   JABATAN PENGIMEJAN DAN DIAGNOSTIK	110
14.0   UNIT OTORINOLARINGOLOGI	114
15.0   UNIT FISIOTERAPI	114
16.0   UNIT PEMULIHAN CARAKERJA	121
17.0   UNIT KERJA SOSIAL PERUBATAN	126
18.0   UNIT PENDIDIKAN KESIHATAN	133
19.0   UNIT REKOD PERUBATAN	137
20.0   UNIT HEMODIASLISIS	140
21.0   UNIT BEKALAN STERIL	143
22.0   UNIT PENYELIAAN PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN	146
23.0   UNIT PENYELIAAN KEJURURAWATAN	150
24.0   UNIT KUALITI	160
25.0   UNIT KAWALAN INFEKSI	162
26.0   UNIT FORENSIK	168
27.0   UNIT PENYELIDIKAN KLINIKAL	173
28.0   UNIT KESIHATAN PERSEKITARAN	181
29.0   UNIT PSIKOLOGI DAN KAUNSELING	185
30.0   UNIT HAL EHWAL AGAMA ISLAM	189
31.0   UNIT KEJURUTERAAN OPERASI	193
STATISTIK HOSPITAL	195
PENCAPAIAN HOSPITAL	204

# KETUA EDITOR



“Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua AJK yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan Laporan Tahunan 2016”

**Dr. Mohamad Nazmi Bin Mohamad Hussain**



# AHLI SIDANG REDAKSI

BIL	NAMA	JAWATAN
1	Dr. Malliga Devi A/P Nagalingam	Timbalan Pengarah (Perubatan) I
2	En. Meor Hamzah Bin Abdullah Sani	Penolong Pengarah (Pengurusan)
3	En. Yufaizal Bin Yusuf	Pegawai Pemulihan Perubatan (Carakerja)
4	Pn. Nurazira Binti Mohd Ghazali	Pegawai Diatetik & Sajian
5	En. Rajan A/L Yenganaidu	Pegawai Teknologi Maklumat
6	En. Goh Chan Shing	Pegawai Farmasi
7	Pn. Ng Poh Ling	Pegawai Psikologi
8	En. Mohd Husairi Bin Abd Manan	Pembantu Tadbir
9	Pn. Ramlah Binti Omar	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam
10	Pn. Noor Hazzura Binti Husni	Penolong Pegawai Rekod Perubatan
11	Pn. Rosita Binti Othman @ Sani	Penolong Pegawai Penerangan

**S**alam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia.



Terlebih dahulu, ingin saya panjatkan kesyukuran kepada Yang Maha Esa kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, sekali lagi Laporan Tahunan Hospital Seberang Jaya 2016 dapat diterbitkan. Di kesempatan ini, saya berbesar hati mengalungkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pppSidang Redaksi dan juga semua Ketua Jabatan/Unit yang telah memberi komitmen sehingga terhasilnya Laporan Tahunan Hospital Seberang Jaya 2016. Laporan tahunan adalah dokumentasi lengkap yang menzahirkan segala pencapaian, aktiviti, maklumat yang amat penting kepada hospital yang

boleh dijadikan kayu pengukur untuk terus berkhidmat dengan komited dan cemerlang terutama dalam menghadapi cabaran-cabaran era globalisasi.

Ucapan terima kasih dan penghargaan juga saya tujukan kepada semua pihak dan warga kerja Hospital Seberang Jaya yang telah menyumbang kepada pencapaian Hospital Seberang Jaya untuk sepanjang tahun 2016. Seperti mana semua sedia maklum, Hospital Seberang Jaya adalah sebuah hospital yang sentiasa sibuk dengan kehadiran pesakit yang tinggi yang mewujudkan pelbagai cabaran, namun kita sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada setiap pelanggan. Ini adalah hasil daripada kerjasama yang baik dari semua warga kerja Hospital Seberang Jaya.


Saya ingin mengambil kesempatan ini menyeru kepada semua warga Hospital Seberang Jaya untuk terus komited dalam melaksanakan tugas dengan mengamalkan nilai-nilai murni dalam memberikan perkhidmatan kepada pelanggan. Dengan budaya kerja yang cemerlang, saya percaya segala cabaran akan dapat diharungi, bak kata pepatah *yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing*.

Sidang pembaca sekalian,

Matlamat Hospital Seberang Jaya bukan sahaja terarah kepada peningkatan perkhidmatan pelanggan, malah inisiatif ke arah peningkatan ilmu pengetahuan dan kemahiran diri juga perlu diberi perhatian. Selaras dengan usaha ke arah melahirkan modal insan berkualiti, setiap warga kerja Hospital Seberang Jaya perlu berusaha melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran diri melalui pelbagai medium kerana dengan ilmu pengetahuan yang tinggi, nescaya seseorang itu dapat menghasilkan kualiti kerja yang lebih baik.

Sekian, terima kasih.

# CARTA ORGANISASI HOSPITAL



# PROFIL HOSPITAL

Hospital Seberang Jaya merupakan sebuah hospital yang dibina berdasarkan konsep Hospital Nukleus. Memulakan operasi pada 01 April 1995 dan dirasmikan oleh mantan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 21 April 1995. Hospital Seberang Jaya merupakan hospital rujukan berpakar yang memberikan perkhidmatan latihan serta pembelajaran. Sehingga kini HSJ telah mempunyai kepakaran dalam bidang Perubatan Traumatologi, Perubatan Umum, Pembedahan Umum, Perbidanan Dan Sakit Puan, Otopidik, Anestesiologi, Nefrologi, Pediatrik, Patologi dan Pengimejan Diagnostik. Khidmat kepakaran tersebut diperkukuhkan lagi oleh unit sokongan lain seperti Jabatan Pengurusan, Jabatan Farmasi, Jabatan Rehabilitasi, Jabatan Sajian dan Dietetik, Unit Kualiti, Unit Forensik, Unit Kerja Sosial Perubatan, Unit Pendidikan Kesihatan, Unit Rekod Perubatan, Penyelia Perubatan dan Penyelia Kejururawatan.

Untuk penambahbaikan demi memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat, projek Multi-Storey telah diluluskan melalui peruntukan RMK10 kepada hospital dengan penambahann bah daripada 314 ke 796 buah katil. Diharap dengan pembinaan projek baru ini, kualiti perkhidmatan dapat dipertingkatkan demi keselesaan semua pihak sama ada pelanggan dalaman dan juga pelanggan luaran.



## MISI

- Menyediakan perkhidmatan rawatan pemulihan, diagnostik, pencegahan dan promosi
- kesihatan yang berkesan dan berkualiti.
- Dengan menekankan sifat penyayang, profesionalisme dan kerja berpasukan.
- Serta menghormati hak asasi pesakit.

## VISI

“Perkhidmatan Rawatan Optima dan Penyayang”

## PIAGAM PELANGGAN

1. Setiap pesakit akan diberi rawatan perubatan sewajarnya yang berkualiti di Hospital ini.
2. Setiap pesakit yang memerlukan rawatan khusus yang tidak terdapat di Hospital ini akan dirujuk ke Hospital lain yang sesuai.
3. Setiap pelanggan akan dilayan dengan baiki, mesra, bertimbangrasa, hormat, bersopan santun, jujur dan ikhlas.
4. Setiap pesakit diberi jaminan bahawa kehormatannya akan terpelihara semasa menerima rawatan. Segala maklumat mengenai penyakit dan rawatannya akan dirahsiakan dan hanya boleh diberitahu kepada pihak tertentu dengan keizinannya tertakluk kepada undang-undang.



5. Setiap pesakit akan diberi penerangan yang jelas mengenai prosedur dan rawatan yang dicadangkan termasuk risiko dan pilihan yang lain.

## LAMBANG KORPORAT



- Keris Tradisional di tengah melambangkan semangat kebangsaan setiap anggota perkhidmatan awam Malaysia.
- Dua ekor ular membelit keris adalah lambang antarabangsa perkhidmatan perubatan yang menetapkan garis panduan dan etika perubatan yang kita patuhi.
- Dua tapak tangan melambangkan sikap terbuka yang diharapkan daripada semua anggota HSJ dan sikap mesra serta penyayang yang perlu diberikan kepada pesakit mahupun kepada pengguna yang mendapatkan perkhidmatan di sini sepanjang masa.
- Bulan Sabit melambangkan Kementerian Kesihatan Malaysia yang sentiasa bersinar melambangkan perkhidmatan yang diberikan sepanjang masa.
- Sembilan bunga padi melambangkan sembilan cabaran Wawasan 2020 yang perlu dihayati oleh kita semua.

- Tujuh kelopak bunga raya yang merupakan simbolik bunga perpaduan antara kaum di Malaysia melambangkan tujuh prinsip Pengurusan Kualiti Menyeluruh yang menjadi teras kepada setiap anggota HSJ.

## SENARAI KETUA JABATAN / UNIT

## LAPORAN JABATAN PENGURUSAN

### 1.0. PENGENALAN

#### JABATAN / UNIT

<i>Pengarah Hospital</i>	Dr. Teo Gim Sian
<i>Timbalan Pengarah (Perubatan)</i>	Dr. Malliga Devi a/p Nagalingam
<i>Timbalan Pengarah (Pengurusan)</i>	Pn. Rodiyah Binti Hashim
<i>Ketua Penolong Pengarah (Perubatan)</i>	Dr. Mohamad Nazmi B. Mohamad Hussain
<i>Ketua Penolong Pengarah (Kualiti)</i>	Dr. Shamsinar Bt. Ahmad
<i>Penolong Pengarah (Pengurusan)</i>	En. Meor Hamzah B. Abdullah Sani
<i>Jabatan Perubatan</i>	Dr. Anita Bhajan Manocha
<i>Jabatan Anestesiologi</i>	Dr. Vellan a/l Sinnathamby
<i>Jabatan Pembedahan</i>	Mr. Imran B. Khalid
<i>Jabatan Obstetrik &amp; Ginekologi</i>	Dr. K. Balanathan a/l Kathirgamanathan
<i>Jabatan Pediatrik</i>	Dr. Angeline Yeoh
<i>Jabatan Ortopedik</i>	Mr. Abdul Aziz B. Hj. Yahaya
<i>Jabatan Kecemasan</i>	Dr. Noor Azleen Bt Ayob
<i>Jabatan Pembedahan Pergigian</i>	Dr. Cri Saiful Jordan Melano B. Basri
<i>Jabatan Farmasi</i>	Pn. Norliza Bt Haron
<i>Jabatan Patologi</i>	Dr. Hairulhasliza binti Harun
<i>Jabatan Pengimejan Diagnostik</i>	Dr. Roslina Bt Abdul Halim
<i>Jabatan Sajian &amp; Dietetik</i>	Pn. Norazira Bt Mhd. Ghazali
<i>Pejabat Rekod Perubatan</i>	Pn. Noor Banun Bt Shuib
<i>Unit Fisioterapi</i>	Pn. Chin Mary
<i>Unit Pemulihan Carakerja</i>	En. Yufaizal B. Yusof
<i>Unit Kerja Sosial Perubatan</i>	Pn. Zam Azani Bt Zakaria
<i>Unit Sumber Pendidikan Kesihatan</i>	Pn. Nazirah binti Gulam Mohamed
<i>Unit Kesihatan Persekitaran</i>	
<i>Unit Kualiti</i>	Dr. Shamsinar Bt Ahmad
<i>Unit Kawalan Infeksi</i>	Matron Norzariah Bt Nordin
<i>Unit Kejururawatan</i>	Matron Saparbee binti Mohamad
<i>Unit Forensik</i>	Dr. Sathya Rao a/l Ramachandran
<i>Unit Otorinolaringologi (ENT)</i>	Dr. Rahimah Bt. Idris
<i>Pejabat Penyelia Hospital</i>	En. Vijayakumaran a/l Muthiah
<i>Unit Sumber Manusia</i>	En. Meor Hamzah bin Abdullah Sani
<i>Unit Pentadbiran</i>	Pn. Norizah Bt Saad
<i>Unit Pembangunan</i>	En. Zabidi B. Muhamad
<i>Unit Kewangan</i>	En. Mohd Faizi b Wahab
<i>Unit Hasil</i>	Pn. Masita Bt Omar
<i>Unit Teknologi Maklumat</i>	En. Mohd Zaidi B. Jamaludin
<i>Unit Kejuruteraan</i>	En. Sivachandran a/l R. Perumal
<i>Unit Keselamatan</i>	En. Fazly B. Hussin
<i>Unit Hal Ehwal Islam</i>	Pn. Ramlah Bt Omar
<i>Unit Perhubungan Awam</i>	Pn. Anita Bt Omar
<i>Unit Aset</i>	Pn. Rosita Bt Ali
<i>Unit CRC</i>	Dr. Looi Irene
<i>Unit CSSU</i>	Pn. Wan Jahara Bt Wan Chek

Jabatan Pengurusan Hospital Seberang Jaya (HSJ) terdiri daripada sembilan unit utama iaitu Unit Sumber Manusia, Unit Teknologi Maklumat, Unit Kewangan, Unit Pentadbiran, Unit

Keselamatan, Unit Pembangunan, Unit Aset, Unit Perhubungan Awam dan Unit Kejuruteraan. Kesemua unit tersebut telah diberi mandat untuk menyediakan perkhidmatan sokongan yang padu kepada semua bahagian yang terdapat di HSJ. Jabatan Pengurusan juga bertanggungjawab untuk merancang, membekal, melaksana, memperkemas perkhidmatan sokongan yang lain serta memberi bantuan kepada program-program lain supaya dasar dan matlamat HSJ tercapai dan dilaksanakan dengan cekap serta berkesan.

## **1.1. OBJEKTIF**

Objektif Jabatan Pengurusan adalah untuk menentukan pengurusan pentadbiran pejabat berjalan dengan cekap dan teratur dari segi perkhidmatan dan semua rekod kakitangan diselenggara dengan sempurna mengikut peraturan-peraturan yang telah dan sedang digunapakai.

## **1.2. UNIT-UNIT DI BAWAH JABATAN PENGURUSAN**

### **1.2.1. UNIT PENTADBIRAN**

#### **a) Pengenalan**

Unit Pentadbiran bertanggungjawab ke atas urusan pentadbiran am, perolehan, keselamatan hospital, pengurusan stor dan perhubungan awam.

#### **b) Objektif**

Memastikan urusan pentadbiran hospital berjalan lancar dari segi surat menyurat, pergerakan fail yang teratur dan semua arahan dan polisi kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan Malaysia dilaksanakan. Dari segi keselamatan, memastikan hospital dan pesakit berada dalam keadaan selamat.

#### **c) Perkhidmatan Yang Disediakan**

- a) Pentadbiran am
- b) Perolehan
- c) Pengurusan stor

- d) Perhubungan awam dan khidmat pelanggan
- e) Pengurusan kuarters
- f) Pengurusan kenderaan

**d) Aktiviti Yang Dijalankan**

**i. Pentadbiran am**

- Menguruskan surat menyurat
- Pengurusan fail
- Pengurusan mesin fotokopi
- Keceriaan pejabat
- Urusan rekod kehadiran anggota

**ii. Perolehan**

- Mengurus perolehan terus
- Mengurus perolehan secara sebut harga

**iii. Pengurusan stor**

- Mengurus stor alat tulis

**iv. Perhubungan awam dan khidmat pelanggan**

- Khidmat pelanggan
- Urusetia aduan
- Pengendalian urusan telefon

**v. Pengurusan kuarters**

- Urusan permohonan masuk dan keluar kuarters dan hostel
- Pemantauan penyelenggaraan kuarters

**vi. Pengurusan kenderaan**

- Urusan pergerakan kenderaan
- Ambulans
- Penggantian kenderaan

- Penyeliaan kenderaan Spanco
- Pemantauan penyelenggaraan kenderaan oleh Edgenta Medi-serve

**e) Pencapaian**

**i. Pengurusan perolehan peralatan perubatan dan bukan perubatan**

Bagi tahun 2016 sejumlah **RM898,609.30** telah diluluskan untuk perolehan peralatan perubatan dan **RM8,362.77** untuk peralatan bukan perubatan.

**ii. Sewaan premis demis**

Penyewaan premis demis bagi tahun 2016 adalah seperti dalam jadual 1.

Jadual 1 : Senarai Butiran Penyewaan Premis Di HSJ

BIL.	RUANG	TARIKH MULA SEWA	TARIKH TAMAT SEWA	NAMA PENYEWA
1.	Kantin	1.9.2016	31.8.2019	Tradisi Catering
2.	Hospi Mart Shoppe	01.8.2016	31.7.2019	Tabung Kebajikan Perubatan Malaysia
3.	Hospi Corner	01.7.2016	30.6. 2019	Tabung Kebajikan Perubatan Malaysia
4.	Taska	1.7.2016	30.6.2019	Taska Mutiara Penyayang
5.	Booth	1.8.2016	31.7.2019	Badan Sokongan Pesakit Kanser Sbg. Perai
6.	Mesin ATM (Bank Rakyat)	1.4.2016	31.3.2019	Hospital Seberang Jaya
7.	Edgenta Sdn. Bhd.	1.4.2016	31.3.2019	Hospital Seberang Jaya
8.	Mesin Vending	1.8.2016	31.7.2019	Adamo Vending Supply Sdn Bhd.

**iii. Pengurusan stor alat tulis**

Jadual 2 : Jumlah Perolehan Stor Alat Tulis di HSJ bagi tahun 2014-2016

BIL	TAHUN	JUMLAH (RM)
1	2014	634,049.60
2	2015	667,156.95
3	2016	400,068.40

**a) Bilangan**

**dan jenis kenderaan yang dimiliki oleh HSJ bagi tahun 2016**

Jadual 3 : Jenis-Jenis Kenderaan Yang Dimiliki oleh HSJ Bagi Tahun 2016

BIL	JENIS KENDERAAN	JUMLAH
-----	-----------------	--------

1	Ambulans	11
2	Penumpang	11
3	Barang	3
4	Saloon	2
5	Jenazah	3
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>30</b>

## 1.2.2. UNIT SUMBER MANUSIA

### a. Pengenalan

Unit Sumber Manusia melaksanakan aktiviti yang melibatkan urusan Perkhidmatan, Perjawatan, Tatatertib, Latihan & Kompetensi dan HRMIS (*Human Resource Management Information System*). Unit ini bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan Pengurusan Sumber Manusia jabatan agar lebih komprehensif dan bersepadu kepada semua anggota. Unit ini juga bertanggungjawab dalam mengaplikasikan arahan dan pekeling yang berkuatkuasa selari dengan usaha dan matlamat untuk menjadi pemimpin dalam mengurus sumber manusia bagi mencapai wawasan kerajaan.

### b. Objektif

Menentukan Pengurusan Sumber Manusia berjalan dengan cekap dan teratur dari segi perkhidmatan dan semua rekod kakitangan diselenggara dengan sempurna mengikut peraturan-peraturan yang berkuatkuasa.

### c. Perjawatan


Sehingga 31 Disember 2016, sebanyak 2,056 perjawatan telah diluluskan dengan jumlah pengisian seramai 1,941 orang. Pecahan kategori pengisian yang telah dibuat adalah seperti jadual berikut :

Jadual 4 : Jumlah Perjawatan, Pengisian dan Kekosongan HSJ Mengikut Kumpulan Bagi Tahun 2014 hingga 2016

KUMPULAN	PERJAWATAN			PENGISIAN			KEKOSONGAN		
	2014	2015	2016	2014	2015	2016	2014	2015	2016

<b>Pengurusan &amp; Profesional</b>	593	546	553	534	538	532	59	8	21
<b>Paramedik &amp; Auksiliaril</b>	1,036	1,032	1,014	864	945	975	172	87	39
<b>Gunasama &amp; Sokongan</b>	490	494	489	451	435	434	39	59	55
<b>Jumlah</b>	<b>2,119</b>	<b>2,072</b>	<b>2,056</b>	<b>1,849</b>	<b>1,918</b>	<b>1,941</b>	<b>270</b>	<b>154</b>	<b>115</b>

Graf A: Jumlah Perjawatan Hospital Seberang Jaya 2014 – 2016



#### d. Perkhidmatan Yang Ditawarkan

##### a. Pengurusan perkhidmatan

Berikut merupakan ringkasan berhubung urusan perkhidmatan (urusan pengesahan, taraf berpencen, persaraan, perletakan jawatan dan sebagainya) bagi anggota – anggota Hospital Seberang Jaya.

Jadual 5 : Bilangan Urusan Perkhidmatan Bagi Tahun 2014 – 2016

Urusan Perkhidmatan	2014	2015	2016
Pengesahan Lantikan	146	142	150
Pengesahan Perkhidmatan	156	133	211
Pemberian Taraf Berpencen	97	80	77
Pemangkuan & Kenaikan Pangkat	189	156	234
Urusan Tanggungkerja	21	14	14
Pengesahan Semula Jawatan	238	8	3
Perletakan Jawatan	21	13	13
Pertukaran Masuk / Keluar	141	106	463
Lawatan ke Luar Negara	259	119	322
Persaraan Pilihan	12	8	9
Persaraan Wajib	15	15	23





## **b. Pengurusan tatatertib**

Sehingga penghujung Disember 2015, terdapat 11 kes tindakan tatatertib di mana 4 kes telah diselesaikan dan 7 kes masih dalam tindakan (di peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia). Unit Sumber Manusia sentiasa memberi pendedahan secara berterusan bagi memberikan kesedaran kepada semua kakitangan agar tidak terlibat dalam kes tatatertib pada masa yang akan datang.


## **c. Latihan dan kompetensi**

Unit ini bertanggungjawab dalam melaksanakan kursus-kursus dalam perkhidmatan seperti Kursus Orientasi, Kursus Pos Basik, Latihan Elektif/Industri, Latihan Peningkatan Pembantu Perawatan Kesihatan (SLPAK), *Continuing Professional Development* (CPD) dan hal-hal berkaitan peperiksaan. Selain itu, unit ini juga bertanggungjawab memastikan anggota hospital mencapai sekurang-kurangnya 7 hari berkursus mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2005 dalam setahun. Bagi tahun 2016, Hospital Seberang Jaya telah mencapai 96.13% anggota yang menghadiri kursus 7 hari berbanding 98.18% yang dicapai pada tahun 2015. Dari segi orientasi pula, Hospital Seberang Jaya telah Berjaya mencapai 92.25% dari jumlah anggota yang disasarkan, melebihi dari sasaran 80% yang ditetapkan.

Carta A: Peratus Kehadiran Anggota Sasaran ke Kursus Orientasi 2016



Graf B: % Pencapaian 7 Hari Berkursus 2014 - 2016



#### d. HRMIS

Pada tahun 2016, pelaksanaan HRMIS telah diperluaskan dengan penggunaan submodul e-Cuti, di samping meneruskan penggunaan sub-modul e-SKT dan e-LNPT. Berikut merupakan status pencapaian pengemaskinian untuk modul-modul utama sistem tersebut.

Jadual 6: Status Pengemaskinian Maklumat HRMIS

Maklumat	Jumlah CO	Peratus
Data Rekod Peribadi	1853	100.0%
Data Profil Perkhidmatan	1853	100.0%
Status Isytihar Harta	1853	100.0%
Penggunaan e-SKT	1853	100.0%
Penggunaan e-LNPT	1853	100.0%
Janaan Cuti 2016	1853	100.0%
Tahap Penggunaan e-Cuti	1853	100.0%

(Sumber Data: EIS, Pangkalan Data HRMIS, JPA)

#### e. Pencapaian

Secara keseluruhan Unit Sumber Manusia telah berjaya mencapai sasaran yang telah ditetapkan terutamanya dalam aspek pengurusan perkhidmatan, pengurusan tatatertib, latihan dan kompetensi serta HRMIS. Unit Sumber Manusia akan terus mempertingkatkan mutu perkhidmatan yang cemerlang untuk tahun-tahun yang akan datang.

**f. Penutup**

Unit Sumber Manusia mengharapkan kerjasama yang berterusan daripada semua kakitangan agar urusan perkhidmatan dapat dilaksanakan dengan lebih baik pada masa yang akan datang.

### **1.2.3. UNIT KEWANGAN**

**a. Pengenalan**

Unit Kewangan HSJ bertanggungjawab untuk menguruskan kewangan dan akaun dengan memastikan pematuhan kepada akta/prosedur kewangan yang telah ditetapkan oleh Perbendaharaan dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Selain itu, Unit Kewangan juga bertanggungjawab memastikan perbelanjaan dilakukan tidak melebihi peruntukan, memproses pembayaran dalam tempoh yang ditetapkan dan juga memantau perbelanjaan ke arah amalan berbelanja yang lebih berhemah.

**b. Objektif**

- Pengurusan peruntukan yang efisien adalah untuk memastikan bahawa semua perbelanjaan Kerajaan dapat dibiayai oleh kedudukan wang tunai yang kukuh.
- Memastikan pengurusan kewangan berjalan dengan teratur dan berkesan melalui pengawalan penggunaan sumber kewangan sedia ada bagi semua aktiviti di bawah HSJ. Menentukan keberkesanan ABM yang diterima dalam membuat perancangan kewangan untuk melaksanakan dasar dan program perubatan.
- Menyimpan rekod-rekod kewangan dengan selamat, teratur dan kemaskini mengikut peraturan yang telah ditetapkan.
- Menentukan semua urusan pembayaran dilaksanakan dengan sempurna mengikut peraturan yang berkuatkuasa.

**c. Perkhidmatan yang disediakan**

#### i. Seksyen Akaun dan Bayaran

Seksyen ini mengurus waran peruntukan, urusan perakaunan, urusan pinjaman (perumahan, komputer dan kenderaan), waran udara dan urusan pembayaran utiliti, gaji dan potongan gaji, elaun lebih masa, 'On-call', bayaran elaun jahitan, bayaran balik perubatan, bayaran balik perpindahan dan pertukaran, bayaran elaun perjalanan, bayaran dan urusan bayaran kepada pembekal.

#### ii. Seksyen Hasil dan Bilik Daftar Masuk (BDM)

Seksyen Hasil menguruskan dan mengakaunkan segala jenis terimaan bayaran di HSJ. Manakala Bilik Daftar Masuk (BDM) menguruskan kemasukan pesakit dalam serta memastikan setiap pesakit diberi layanan sebaik mungkin semasa proses pendaftaran pesakit dalam.

#### d. Pencapaian

##### i. Perbelanjaan mengurus

Peruntukan yang diterima dan prestasi perbelanjaan bagi perbandingan tahun 2014 dan 2015 mengikut Objek Am 10000 (Emolumen), 20000 (Perkhidmatan & Bekalan), 30000 (Aset), 40000 (Pemberian/Ganjaran) dan 50000 (Perbelanjaan-perbelanjaan Lain) adalah seperti Jadual dibawah.

Jadual 7: Peruntukan dan Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2015 dan 2016

OBJEK AM	TAHUN 2016		TAHUN 2015	
	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)
Emolumen	94,746,794	119,548,423*	89,810,866	113,039,054*
Perkhidmatan & Bekalan	50,036,943	52,354,157*	65,320,797	63,649,646
Aset	7,000	6,596	1,256,900	1,251,930
Pemberian/Ganjaran	34,594	27,952	28,650	27,209
Perbelanjaan Lain	0	0	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>144,825,331</b>	<b>171,937,128</b>	<b>156,417,213</b>	<b>177,967,839</b>

**Nota:\*** Perbelanjaan melebihi peruntukan kerana peruntukan Objek Am 10000 (Emolumen) dan OS 23000 (bayaran pukat utiliti) yang diterima tidak mencukupi.

##### ii. Perbelanjaan pembangunan/ LDP

Pecahan perbelanjaan pembangunan / Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) adalah seperti Jadual di bawah.

Jadual 8: Peruntukan Dan Perbelanjaan Pembangunan / LDP Bagi Tahun 2015 dan 2016

PERKARA	TAHUN 2016		TAHUN 2015	
	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)
LDP	197,081	197,081	204,291	204,291
Pembangunan	1,203,795	1,203,403	4,784,318	4,783,752
<b>JUMLAH</b>	<b>1,400,876</b>	<b>1,400,484</b>	<b>4,988,609</b>	<b>4,988,043</b>

### iii. Pengurusan Hasil

Kutipan, tunggakan dan pengecualian hasil adalah seperti di jadual dibawah.

Jadual 9: Kutipan, tunggakan dan pengecualian hasil Bagi Tahun 2015 dan 2016

JENIS HASIL	KUTIPAN HASIL (RM)		TUNGGAKKAN HASIL (RM)		PENGECUALIAN (RM)	
	2016	2015	2016	2015	2016	2015
Perkhidmatan Perubatan (Warganegara)	1,606,060	1,733,713	69,607	74,567	62,739	56,580
Perkhidmatan Perubatan (Bukan Warganegara)	2,938,717	2,378,557	396,557	293,056	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>4,544,777</b>	<b>4,112,270</b>	<b>466,164</b>	<b>367,623</b>	<b>62,739</b>	<b>56,580</b>

### iv. Penganugerahan Diterima Tahun 2016

#### 1. Sijil Naziran Bersih 2015

HSJ buat ke sekian kalinya dianugerahkan **Sijil Naziran Bersih 2015** daripada Pengarah Negeri, Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang kerana mencapai tahap pengurusan kewangan yang **CEMERLANG** pada **julat 96.38%** berdasarkan penilaian ke atas **sampel** dokumen kewangan bagi tempoh **02 Mei 2014** hingga **27 Februari 2015** berbanding 96.74% tahun 2014 (sampel 26.03.2013 – 30.04.2014)

Sijil tersebut diterima pada tahun 2016 dan bertarikh 29 Februari 2016.



## 2. Sijil Penghargaan Pembayaran Bil 100% Dalam Tempoh 14 Hari Sepanjang Tahun 2015

HSJ telah menerima Sijil Penghargaan dan ucapan tahniah daripada Kementerian Kesihatan Malaysia kerana telah Berjaya mencapai pembayaran bil 100% dalam tempoh 14 hari sepanjang tahun 2015 seperti berikut :-

- (a) Tempoh 0 – 3 hari : 75.39%
- (b) Tempoh 4 – 7 hari : 24.59%
- (c) Tempoh 8 – 14 hari : 0.02%

Sijil Penghargaan tersebut diterima pada 08 Mac 2016



Berbanding 2013 dan 2014, HSJ menerima Sijil Kecemerlangan Bayaran daripada KSU KKM kerana berjaya mencapai prestasi 100% pembayaran bil dalam masa 7 hari pada setiap bulan sepanjang tahun.

## 3. Prestasi Pengauditan Akaun Amanah Perkhidmatan Perubatan Dan Perkhidmatan Rawatan Perubatan di Bawah Skim Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh di Hospital Kerajaan (Kod Amanah 886340 Kod Kecil 9076) Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015

HSJ telah mencapai prestasi pengurusan Akaun Amanah pada tahap BAIK bagi pengauditan tersebut yang telah dijalankan pada 04 Mei 2016. Surat hasil pemeriksaan diterima dari Jabatan Audit Negara Cawangan Negeri Pulau Pinang bertarikh 06 Mei 2016.

## 4. Prestasi Naziran eSPKB Bagi Tahun 2016

HSJ menerima pencapaian pengurusan kewangan pada tahap **BAIK** dengan **julat 89.05%** dari Jabatan Akauntan Negara Malaysia Cawangan Negeri Pulau Pinang berdasarkan penilaian ke atas **sampel** dokumen kewangan bagi tempoh **03 Mac 2015** hingga **26 Februari 2016**.

## 1.2.4 UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

### a. Pengenalan

Unit Teknologi Maklumat merupakan unit yang bertanggungjawab terhadap segala peralatan dan perkakasan ICT, menyelenggara sistem rangkaian dan pengoperasian serta berusaha untuk memaksimumkan penggunaan ICT di kalangan warga kerja Hospital Seberang Jaya.

### b. Objektif

- Mengadakan khidmat bantuan dalam membangun dan mengurus sistem maklumat yang cekap dan berkualiti.
- Memastikan pembangunan sistem, kualiti, keselamatan dan kesahihan maklumat mengikut piawaian yang telah ditetapkan.
- Memastikan kesediaan (*availability*) infrastruktur ICT berada pada tahap tinggi.
- Memastikan budaya ICT diterapkan ke dalam tadbir urus dan diamalkan oleh warga Hospital Seberang Jaya.

### c. Perjawatan

Jadual 7: Perjawatan Di Unit Teknologi Maklumat Bagi Tahun 2016

JAWATAN	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN	CATATAN
Pegawai Teknologi Maklumat F44	2	1	1	
Pegawai Teknologi Maklumat F41	1	1	0	
Pen. Peg. Teknologi Maklumat Kanan F32	1	1 (+1)	0	1 Pinjaman dari HBM
Pen. Peg. Teknologi Maklumat Kanan F29	1	1	0	1 Dipinjamkan ke HBM
Juruteknik Komputer FT17	1	1	0	
<b>JUMLAH</b>	<b>6</b>	<b>7</b>	<b>0</b>	<b>1 Pinjaman</b>

### d. Perkhidmatan Yang Disediakan

Perkhidmatan yang disediakan oleh Unit Teknologi Maklumat adalah :-

- i. Menyelaras pelaksanaan program kerajaan elektronik (eG) seperti HRMIS, e-SPKB, e-Perolehan, 1GOV\*net dan sebagainya.
- ii. Menyelaras implementasi projek aplikasi Kementerian Kesihatan seperti Telekonsultasi, SMRP, MyCPD dan sebagainya.

- iii. Menyelaras, mentadbir dan menyelia penyelenggaraan Sistem Pengurusan Pesakit Dalam (SPPD) serta sistem-sistem lain yang berkaitan.
- iv. Mengendali 'backup/recovery' untuk sistem-sistem kritikal jabatan seperti SPPD, SMRP dan sebagainya.
- v. Mengendali meja bantuan (helpdesk), khidmat bantuan teknikal serta operasi penyelenggaraan dan pembaikan peralatan ICT.
- vi. Mengkaji, merancang dan menganalisis keperluan peralatan ICT dan melaksana perolehan peralatan dan perisian ICT.
- vii. Mengurus dan menyelia pengagihan peralatan ICT dan pelupusan peralatan ICT.
- viii. Merancang, mengurus dan menyelia perolehan, pemasangan dan penyelenggaraan sistem dan peralatan rangkaian dalaman.
- ix. Membangun, mentadbir dan mengemaskini laman web jabatan.
- x. Mengurus pinjaman peralatan ICT untuk mesyuarat, bengkel atau seminar.
- xi. Menyedia bahan-bahan taklimat / persembahan powerpoint atau multimedia untuk mesyuarat / taklimat khas / majlis rasmi jabatan.
- xii. Merancang dan menyedia latihan dalaman berkaitan ICT kepada kakitangan.

#### e. Aktiviti dan Pencapaian

Sepanjang tahun 2016, Unit Teknologi Maklumat telah melaksanakan pelbagai aktiviti. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan dan pencapaiannya adalah seperti berikut:-

##### i. Penyelenggaraan Sistem SPPD

Penyelenggaraan Sistem SPPD melibatkan beberapa aktiviti sepanjang tahun dapat diringkaskan seperti dalam Jadual 8.

Jadual 8 : Penyelenggaraan Sistem SPPD Bagi Tahun 2016

BIL	AKTIVITI	PENCAPAIAN
1	Penyelenggaraan Sistem dan Rangkaian SPPD	42 kes diselesaikan
2	<i>Backup SPPD</i>	265 kali
3	<i>Backup Audit Trail</i>	4 kali
4	Penyelenggaraan Pangkalan Data	18 kali
5	Penyelenggaraan Pencegahan ( <i>Preventive Maintenance</i> )	1 kali



## ii. Rangkaian dan Operasi

Hospital Seberang Jaya menggunakan talian internet 1GOV\*net berkelajuan 20Mbps dan menggunakan MicroTik untuk mempertingkatkan keselamatan serta memudahkan kawalan rangkaian dalaman. Penyelenggaraan rangkaian dan penambahan nod rangkaian bagi tahun 2016 ditunjukkan dalam jadual 9 dan 10.

Jadual 9 : Penyelenggaraan Rangkaian Bagi Tahun 2016

BIL	AKTIVITI	PENCAPAIAN
1	Penyelesaian masalah rangkaian dan internet	161 kes
2	Melaporkan masalah talian Moh*Net kepada helpdesk BPM, dan talian Egnet/1Gov*Net/ kepada pihak Helpdesk MOH/GITN/Telekom.	0 kes

Jadual 10 : Penambahan Nod Rangkaian Di Hospital bagi Tahun 2016

BIL	LOKASI	BILANGAN NOD RANGKAIAN
1	Jabatan Orthopedik	1
2	Jabatan Kecemasan	2
3	Jabatan Patologi	3
4	Jabatan O&G	1
5	Klinik Pakar Bedah Mulut	1
6	Klinik Dada	1
7	Klinik Pakar 1	1
8	Bilik Penolong Akauntan	1
9	Bilik Pegawai ENT	1
10	Unit Fisioterapi	3
11	Unit Kualiti	2
12	Unit Pentadbiran	5
13	Unit CRC	1
14	Wad Bersalin	1
15	Wad 11	1
16	Wad 12A	1

## iii. Khidmat Sokongan dan Bantuan Teknikal

Khidmat sokongan dan bantuan teknikal Unit Teknologi Maklumat sepanjang tahun 2016 secara keseluruhannya dapat diringkaskan seperti dalam Jadual 11 di bawah.

Jadual 11 : Khidmat Sokongan dan Bantuan Teknikal Bagi Tahun 2015

BIL	JENIS SOKONGAN DAN BANTUAN TEKNIKAL	JUMLAH
1	Merekabentuk Slaid <i>Backdrop</i> Untuk Majlis / Kursus / Taklimat / Seminar / Ceramah.	28 kali
2	Menyediakan dan Mengendalikan Slaid Perhimpunan Bulanan HSJ.	12 kali
3	Menguruskan Pinjaman, Pemulangan dan Pemasangan Komputer Riba.	574 kali
4	Merekod dan meluluskan permohonan ink.	1119 kali

BIL	JENIS SOKONGAN DAN BANTUAN TEKNIKAL	JUMLAH
5	Memberi Bantuan Teknikal dan Khidmat Nasihat Berkaitan Peralatan ICT Kepada Anggota Hospital.	1348 kali
6	Masalah peralatan atau perisian ICT yang dilaporkan ke helpdesk BPM/kontraktor.	341 kali
7	Memberikan bantuan teknikal di luar Jabatan.	3 kali

#### iv. Menyelaraskan Implementasi Projek Kerajaan Elektronik dan KKM

Unit Teknologi Maklumat turut membantu memberikan khidmat rundingan dan bantuan teknikal bagi aplikasi-aplikasi yang dibangunkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan aplikasi-aplikasi Kerajaan Elektronik (eG) seperti myCPD, emel 1GOVUC, Telekesihatan, HRMIS, eSPKB dan ePerolehan. Lanya ditunjukkan dalam jadual 12.

Jadual 12 : Khidmat Sokongan Bagi Aplikasi Kerajaan Bagi Tahun 2015

BIL	APLIKASI KERAJAAN	JUMLAH
1	Sistem HRMIS	1505 kali
2	Sistem ePerolehan	10 kali
3	Sistem eSPKB	10 kali
4	Sistem Emel 1GovUC	40 kali
5	MyCPD	47 kali
6	Sistem Telekesihatan	0 kali
7	Sistem SMRP	104 kali
8	Sistem Rawatan Harian	6 kali
9	Sistem Pengurusan Laporan Perubatan	10 kali

#### v. Latihan dan Kursus

Bagi memantapkan lagi pengetahuan ICT di kalangan warga kerja Hospital Seberang Jaya, Unit IT telah mengadakan beberapa siri kursus. Jadual 13 menunjukkan senarai kursus yang telah dianjurkan oleh Unit IT sepanjang tahun 2016.

Jadual 13 : Latihan dan Kursus Dianjurkan bagi Tahun 2016

BIL	NAMA KURSUS	SESI
1	Taklimat Permohonan e-Cuti dan Pengisian e-SKT dalam HRMIS	1 kali

#### vi. Pembangunan Sistem

Sepanjang tahun 2016, Unit Teknologi Maklumat dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang telah membangunkan Laman Web Hospital Seberang Jaya dengan menggunakan perisian Joomla yang mana Laman Web Hospital Seberang Jaya kini diletakkan di bawah kategori agensi dalam Portal Rasmi Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang.

### vii. Pengurusan Aset ICT

Sepanjang tahun 2016, bagi memenuhi keperluan kakitangan Hospital Seberang Jaya, Unit Teknologi Maklumat telah menguruskan perolehan, pemantauan, pengujian dan pentauliahkan peralatan ICT, iaitu 13 unit pencetak. serta turut menguruskan beberapa kontrak penyewaan perkakasan ICT seperti jadual 14 dibawah.

Jadual 14 : Kontrak Penyewaan Peralatan ICT bagi Tahun 2016

BIL	KONTRAK PENYEWAAN	KUANTITI	TEMPOH PENYEWAAN
1	Penyewaan Komputer Riba	3 unit	3 Tahun
2	Penyewaan Projektor LCD	3 unit	3 Tahun

Selain itu, Unit Teknologi Maklumat telah menerima sewaan 10 unit komputer peribadi dan 1 unit komputer riba dibawah kontrak berpusat selama 5 tahun daripada Bahagian Pengurusan Maklumat, Kementerian Kesihatan Malaysia.

## 1.2.5 UNIT PEMBANGUNAN

### a. Pengenalan

Unit Pembangunan merancang dan membangunkan keperluan jabatan- jabatan di hospital dari aspek fasiliti hospital dan kemudahan orang awan yang datang ke hospital masa kesemasa. Menguruskan permohonan peruntukan perbelanjaan dan laporan keperluan hospital yang diluluskan oleh Pengarah Hospital Seberang Jaya kepada Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang. Unit Pembangunan dibantu oleh Unit Kejuruteraan dari aspek teknikal bagi pelaksanaan sesuatu projek pembangunan yang telah dikenalpasti.

### b. Objektif

- Menyelaras pelaksanaan projek-projek pembangunan mengikut spesifikasi dan skop yang diluluskan oleh Unit Kejuruteraan.
- Menguruskan dalam penyediaan belanjaan projek pembangunan hospital.
- Melaksanakan pemantuan projek yang dilaksanakan sepertimana kelulusan daripada Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang.

**c. Perjawatan**

JAWATAN	PERJAWATAN	PENGISIAN
Penolong Pegawai Tadbir N32	1	1
Pembantu Tadbir N19	1	1
<b>JUMLAH</b>	<b>2</b>	<b>2</b>

**d. Perkhidmatan Yang Ditawarkan**

- Menyelaras urusan penyediaan permohonan perbelanjaan pembangunan.
- Menyelaraskan keperluan awalan penyediaan spesifikasi.
- Memantau projek-projek pembangunan yang dilaksanakan.
- Menguruskan proses Pengujian & Pengtauliahahan sesuatu projek.
- Menyediakan laporan dan status kemajuan projek Pembangunan.

**e. Pencapaian**

Projek-Projek Yang Dilaksanakan Pada Tahun 2016.

BIL	PERUNTUKAN PROGRAM	JUMLAH PROJEK YANG TELAH DILAKSANAKAN	KOS PERUNTUKAN PERBELANJAAN (RM)
1.	Peruntukan Belanja Pembangunan BP 00600 (Naiktaraf , Ubahsuai & Pembaikan)	2	285,976.00
2.	Peruntukan Belanja Pembangunan Rancangan Malaysia Ke-9	1	490,000.00
3.	Peruntukan Belanja BP 040200 ( Sinking Fund )	1	47,976.00
<b>JUMLAH</b>		<b>4</b>	<b>823,952.00</b>

**f. Aktiviti Yang Dijalankan**

Gambar Projek Yang Telah Dilaksanakan



**PENGGANTIAN SISTEM PENYAMAN UDARA WAD 1-6**



**PENDAWAIAN AUTOPSY TABLE FORENSIK**



**PEMBAIKAN KABEL ESSENTIAL**



**NAIKTARAF STOR PERUBATAN**

#### **h. Penutup**

Unit Pembangunan akan membantu menguruskan segala perancangan yang telah dirancang oleh jabatan-jabatan melalui kerajaan selaras dengan peruntukan RMK-9 dan RMK-10 bagi kesejahteraan anggota hospital dan pesakit sepertimana arahan Pengarah Hospital Seberang Jaya.

### **1.2.6 UNIT ASET**

#### **a. Pengenalan**

Unit Aset dan Stor bertanggungjawab untuk menguruskan hal ehwal aset mudah alih kerajaan. Unit ini diuruskan oleh seorang Penolong Pegawai Tadbir dan dua orang Pembantu Tadbir.

#### **b. Objektif**

- Memastikan pengurusan aset alih kerajaan di Hospital Seberang Jaya mematuhi Pekeliling Perbendaharaan – Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan.
- Memastikan pengurusan stor kerajaan di Hospital Seberang Jaya mematuhi Pekeliling Perbendaharaan – Tatacara Pengurusan Stor.

## c. Aktiviti Dan Pencapaian

### i. Aset alih kerajaan

#### ➤ Harta modal

Nilai keseluruhan harta modal sehingga 31 Disember 2016 adalah sebanyak **RM60,947,459.24** dengan kuantiti 4,072 unit. Jumlah pembelian aset baru bagi harta modal adalah sebanyak 149 unit dengan nilai **RM1,874,907.00**.

#### ➤ Aset Bernilai Rendah

Manakala bagi aset bernilai rendah, kedudukan jumlah sehingga 31 Disember 2016 adalah sebanyak 9,019 unit dengan nilai **RM2,879,750.05**. Jumlah pembelian aset baru bagi aset bernilai rendah adalah sebanyak 235 unit bernilai **RM105,063.08**.

#### ➤ Pelupusan

Bagi tahun 2016, jumlah pelupusan yang diluluskan oleh Bahagian Perolehan dan Penswastaaan, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 61 unit dengan hasil pelupusan sebanyak RM6,550.00 dari nilai perolehan asal iaitu RM634,708.31 mengikut kaedah jualan dan jualan sisa.

#### ➤ Hadiah

Bagi tahun 2016, jumlah permohonan hadiah yang diluluskan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 15 permohonan melibatkan 51 item.

#### ➤ Kehilangan

Bagi tahun 2016, tiada laporan kehilangan yang dilaporkan.

## ii. Stor

Berikut adalah Kadar Pusingan Stok Tahunan bagi stor-stor utama di Hospital Seberang Jaya. Secara keseluruhannya, pengurusan stor utama di Hospital Seberang Jaya adalah baik dan memuaskan.

Jadual 14: Kadar Pusingan Stok Tahunan Bagi Tahun 2016

BIL	STOR UTAMA	KADAR PUSINGAN STOK TAHUNAN
1.	Stor Farmasi	6.81
2.	Stor Sajian & Dietetik	3.96
3.	Stor Patologi (Reagen)	9.01
4.	Stor Alat Tulis	3.09

### 1.2.7 UNIT KEJURUTERAAN

#### a. Pengenalan

Unit Kejuruteraan Operasi Hospital Seberang Jaya merupakan satu unit baru di bawah Jabatan Pengurusan yang berperanan untuk menasihati dan memacu pihak hospital dalam hal-hal teknikal dan kejuruteraan.

#### b. Objektif

- Mengawalselia Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) di Hospital.
- Memberi khidmat nasihat teknikal dan kejuruteraan di Hospital.

#### d. Perjawatan Unit

Jadual 15: Perjawatan Di Unit Kejuruteraan

JAWATAN	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN	CATATAN
Jurutera Elektrik J41	1	1	0	
<b>JUMLAH</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>0</b>	

## **g. Perkhidmatan Yang Disediakan**

Fungsi kerja utama unit kejuruteraan, adalah untuk memantau dan mengawalselien perkhidmatan sokongan hospital di samping membantu pembangunan dalam penyediaan dokumen-dokumen teknikal.

### **➤ Fungsi-fungsi teknikal**

- Menyemak Laporan Penilaian Keadaan (*Condition Appraisal*).
- Menyediakan Sijil Perakuan Pelupusan (PEP) untuk alat-alat dan sistem kejuruteraan.
- Menjalankan audit teknikal Khidmat Sokongan Hospital.
- Menyiasat aduan-aduan berkaitan perkhidmatan sokongan hospital di hospital.
- Menyediakan anggaran fi perubahan kerja (Variation Order) untuk PSH.
- Menyemak maklumat berkaitan yuran perkhidmatan hospital baru dan hospital gentian kepada syarikat konsesi.
- Bertanggungjawab menyelaras dan melaksanakan Pengurusan Aset Tak Alih (PATA) Kerajaan (Fasiliti).
- Projek pembangunan, naiktaraf dan minor works:-
  - Menyediakan skop dan spesifikasi kerja minor works (sebutharga RM500k kebawah)
  - Memantau pelaksanaan projek.
  - Memantau kerja-kerja Pengujian dan Pentauliahan (T&C) aset dan fasiliti baru.
  - Memastikan Tempoh Tanggungan Kecacatan (*Defect Liability Period*) diuruskan dengan berkesan.

### **➤ Fungsi-fungsi kawalseliaan**

- Menjalankan pemeriksaan perkhidmatan sokongan di hospital secara berjadual bagi kesemua 5 servis seperti berikut:
  - Cleansing Service (CLS)
  - Healthcare Waste Management System (HWMS)
  - Linen & Laundry Service (LLS)
  - Facilities Equipment Management System (FEMS)
  - Biomedical Equipment Management System (BEMS)
  - Facility Management Services (FMS)




- Memantau dan menyediakan laporan berkaitan notis-notis kecemasan (Klausa 12, dan 44) yang dikeluarkan oleh hospital.
- Melaksanakan kajian kepuasan pelanggan dan menyediakan laporan penilaian prestasi (2 kali setahun) syarikat konsesi.
- Menyemak laporan dan bil/invois untuk pengesahan bayaran atau pemotongan Fi.
- Memastikan operasi sistem teknologi maklumat (CMIS) dan program jaminan mutu (QAP) perkhidmatan Kejuruteraan Hospital dikemaskini serta berkesan.
- Membantu pihak hospital di dalam pengurusan aset kerajaan dan penyediaan laporan pengurusan aset.

#### h. Pencapaian

Graf A menunjukkan Statistik Penolakan Fi Syarikat Konsesi Bagi Tahun 2016.

Graf A: Statistik Penolakan Fi Syarikat Konsesi Bagi Tahun 2016



Graf A diatas menunjukkan jumlah pemotongan fi bulanan syarikat konsesi hasil pemantauan bersama dengan Liaison Officers dan staf hospital yang lain. Penolakan ini disebabkan oleh ketidakpatuhan syarikat konsesi dalam mengimplementasikan perjanjian / kontrak konsesi. Antaranya seperti kerja-kerja pembersihan tidak dilakukan dengan sempurna dalam wad-wad.

**e. Aktiviti Yang Dijalankan**

- Membuat jadual dan mengadakan lawatan pemantauan terhadap Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH).
- Mengesahkan HSIP 2014 yang disediakan oleh pihak konsesi.
- Memantau dan menyemak laporan dan rekod di dalam sistem CMIS.
- Menilai pemotongan dan mengesahkan bayaran kepada pihak konsesi.
- Mengadakan dan menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Penswastaan dan Validation (VCM) Hospital Tapah.
- Membuat pembentangan bagi hasil lawatan pemantauan PSH di dalam mesyuarat VCM.
- Menyediakan minit mesyuarat Jawatankuasa Penswastaan dan Validation (VCM). Menyemak dan memberi maklumbalas aduan berkenaan PSH dan isu teknikal.
- Menyemak dan memberi maklumbalas Laporan Teknikal (CA) yang dihantar oleh pihak konsesi. Mengeluarkan NCR kepada konsesi terhadap ketidakpatuhan di dalam memberikan perkhidmatan.
- Menyemak permohonan BER 1 dari konsesi dan menyediakan BER 2 bagi proses mendapatkan sijil PEP.
- Menghadiri Mesyuarat Jurutera Operasi Negeri di JKN.
- Joint Inspection dilakukan secara berkala (bulanan) bersama Liaison Officer (LO) dan syarikat konsesi EMS bagi memantau mutu perkhidmatan sokongan hospital di jabatan/wad/unit. Lawatan pemeriksaan Engineering Plant Room (EPR) dilakukan secara berkala bersama syarikat konsesi EMS bagi memantau kebolehfungsian fasiliti/peralatan di pusat janakuasa.
- Menyelaras dan melaksanakan Sustainability Program (SP) yang merangkumi Energy Management (EM), Indoor Air Quality (IAQ) dan Reuse Recycle Reduce (3R).

**i. Penutup**

Perancangan Unit Kejuruteraan & Operasi pada masa hadapan adalah pemberian latihan yang sempurna kepada staf hospital akan hak-hak mereka dalam perkhidmatan sokongan hospital supaya setiap sen yang dibayar oleh pihak kerajaan adalah lebih bermakna.

## **1.2.8 UNIT PERHUBUNGAN AWAM**

### **a. Pengenalan**

Unit Perhubungan Awam bertindak sebagai perantara bagi Hospital Seberang Jaya (HSJ) dalam menyampaikan maklumat berhubung dengan fakta dan situasi atas arahan serta persetujuan pengurusan atasan HSJ. Unit ini juga bertanggungjawab dalam menguruskan pihak media dan bertindak sebagai urus setia aduan samada daripada pelanggan dalaman mahupun luaran.

### **b. Objektif**

Menjadi penghubung antara orang awam dengan organisasi bagi memastikan pelanggan menerima mesej dan maklumat yang betul.

### **c. Perkhidmatan Yang Disediakan**

Antara perkhidmatan yang disediakan di Unit Perhubungan Awam adalah :

1. Melaksanakan aktiviti perhubungan awam hospital.
2. Bertindak sebagai Urusetia Aduan peringkat hospital.
3. Memantau dan menjawab aduan.
4. Memantau isu berkaitan hospital di media massa (akhbar, elektronik).
5. Menyelia Pegawai Khidmat Pelanggan.
6. Menjadi Penyelaras Perhimpunan Bulanan Hospital.


### **d. Aktiviti Yang Dijalankan**

Unit ini telah mengadakan Kursus Komunikasi Berkesan pada 14 September 2016, bertempat di Dewan Mutiara, melibatkan seramai 78 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan hospital dipelbagai peringkat. Penceramah jemputan telah diundang iaitu Dr. Norasyikin Bt. Ibrahim, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia.

### **e. Pencapaian**

Graf 1 di bawah memaparkan jumlah penerimaan aduan melalui pelbagai sumber sepanjang tahun 2016.

Graf 1 : Jumlah Aduan Mengikut Sumber Bagi Tahun 2016



Berdasarkan Jadual 17 di bawah, kesemua (70) aduan didapati telah berjaya diselesaikan dalam tempoh 15 hari seperti yang terkandung dalam Pekeliling Perkhidmatan Awam Bil.1/2009.

Jadual 17 : Prestasi Penyelesaian Aduan Bagi Tahun 2016

SELESAI										JUMLAH
BERASAS					TIDAK BERASAS					
1-5 HARI	6-10 HARI	11-15 HARI	16-20 HARI	21-30 HARI	1-5 HARI	6-10 HARI	11-15 HARI	16-20 HARI	21-30 HARI	70
1	29	18		2	5	11	3		1	

**f. Penutup**

Secara keseluruhan Unit Perhubungan Awam telah menjalankan semua tanggungjawab dan aktiviti yang telah dirancang dengan jayanya disamping menguruskan aduan dengan telus dan adil.

## 1.2.9 UNIT KESELAMATAN

### a. Pengenalan

Unit Keselamatan bertanggungjawab untuk memantau perkhidmatan Syarikat Kawalan Keselamatan. Selain itu, Unit Keselamatan membantu dalam aspek keselamatan bangunan dan persekitaran hospital.

### b. Objektif

Menentukan Pengurusan Keselamatan Perlindungan berjalan dengan cekap mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Ianya merangkumi keselamatan fizikal, dokumen dan peribadi.

### c. Perkhidmatan Yang Disediakan

- Memberi nasihat keselamatan kepada setiap jabatan/unit dengan tujuan membantu mereka memastikan keselamatan fizikal, dokumen dan individu dalam keadaan selamat.
- Memproses permohonan Kad Pengenalan Jabatan bagi staf hospital dan pas kerja (kontraktor) bagi bukan staf hospital.
- Menjalankan pemeriksaan keselamatan dan membuat laporan serta syor-syor yang berkaitan untuk dipatuhi dan dilaksanakan.
- Menjalankan pemeriksaan mengejut dan siasatan bagi menentukan bahawa langkah-langkah keselamatan dipatuhi dan dilaksanakan.
- Memberi khidmat nasihat, mencadang dan menganjurkan kursus / ceramah / taklimat berkenaan Keselamatan Perlindungan untuk pegawai dan kakitangan jabatan.
- Membuat siasatan awal apabila berlaku insiden berkaitan keselamatan dan membawa ke pengetahuan pegawai atasan yang bertanggungjawab.
- Mengkaji keperluan sistem keselamatan di hospital dan mencadangkan kepada Timbalan Pengarah (Pengurusan). Memantau kunci keselamatan, pas bertujuan keselamatan, peralatan dan kelengkapan keselamatan hospital.
- Mengurus laporan dan jadual kerja harian bagi Pembantu Keselamatan dan anggota syarikat kawalan keselamatan swasta.

- Memantau sebarang pelanggaran kontrak, memperuntukkan anggota keselamatan yang mencukupi dan menentukan lokasi / pos keselamatan yang perlu diawasi. Memastikan peraturan keselamatan dokumen, fizikal dan individu dipatuhi dan dilaksanakan di hospital.

**d. Aktiviti dan Pencapaian**

**i. Pemantauan terhadap perkhidmatan kawalan keselamatan swasta (Kontraktor Keselamatan)**

- Perkhidmatan kawalan keselamatan swasta dilaksanakan secara 24 jam. Kekuatan anggota bagi setiap syif seramai dua puluh tujuh (27) orang termasuk Ketua Pengawal.
- Unit Keselamatan bertindak membuat pemantauan secara berkala dan mengejut terhadap prestasi pihak kontraktor keselamatan. Penalti bayaran sebanyak satu (1) kali ganda nilai bayaran jam perkhidmatan bagi kegagalan kehadiran bertugas dan 20% jam nilai bayaran jam perkhidmatan bagi kegagalan rondaan kunci jam kepada kontraktor keselamatan sekiranya berlaku ketidakpatuhan kontrak perjanjian. Jumlah keseluruhan penalti terhadap Kontraktor Kawalan Keselamatan bagi tahun 2016 ialah **RM 134,624.32**

**ii. Penyediaan Kad Pengenalan Jabatan kepada Kakitangan Hospital**

Sepanjang tahun 2016, sebanyak **Lapan Ratus Enam Puluh Lapan (868)** unit Kad Pengenalan Jabatan termasuk Kad Pengenalan Jabatan (Tetap / Sementara) telah siap diproses dibekalkan termasuk penyediaan semula Kad Pengenalan Jabatan akibat hilang/ kerosakan/ using.

### **1.3 PENUTUP**

Secara keseluruhan Jabatan Pengurusan Hospital Seberang Jaya sentiasa memberi dan meningkatkan penyampaian perkhidmatan dari masa ke semasa demi memenuhi misi dan visi hospital. Justeru itu, pengembelengan tenaga dan kerjasama sebagai satu pasukan dari semua unit di bawah Jabatan Pengurusan amat diharapkan agar ianya menjadi pemangkin untuk jabatan ini terus maju pada masa yang akan datang.

## 2.0 PENGENALAN

Jabatan Perubatan adalah salah satu jabatan yang terletak di bawah Direktorat Perkhidmatan Klinik Hospital Seberang Jaya. Jabatan ini memberikan Perkhidmatan Perubatan Am kepada pesakit dalam yang merangkumi Wad 5 (Perubatan Lelaki), Wad 6 (Perubatan Perempuan), Wad Perawatan Denggi dan Wad Penjagaan Rapi Jantung (Coronary Care Unit) manakala perkhidmatan pesakit luar dijalankan di Klinik Pakar Perubatan.

## 2.1 OBJEKTIF

### i. Objektif Am

- Rawatan Endodontik
- Protesis Maksilofasial
- Cabutan
- Pengimejan
- Pembetulan Cleft palate/cleft lip
- Pembedahan Orthognatik

## 12.4 AKTIVITI YANG DIJALANKAN

**i. SAMBUTAN MINGGU KESEDARAN KANSER MULUT**

Sambutan Minggu Kesedaran Kanser Mulut telah diadakan pada 18 November 2016 di ruang Foyer Hospital Seberang Jaya. Objektif utama sambutan ini adalah mengenal pasti dan mengurangkan penyakit kanser dari kalangan pesakit bermula dari umur 20 tahun keatas dan memberi ilmu pengetahuan kepada pesakit yang mempunyai risiko tinggi penyebab terjadinya kanser mulut.

**ii. DENTAL CARNIVAL**


*Dental Carnival* telah diadakan pada 23 Ogos 2016 di Mydin Mall, Seberang Perai. Objektif utama sambutan ini adalah untuk memberi kesedaran kepada warga negeri Pulau Pinang tentang keburukan asap rokok.

**iii. JOM HEBOH**


Jom Heboh telah diadakan pada 26 November 2016 di Seberang Perai Selatan.

## **12.5 PENCAPAIAN**

Graf A : Jumlah Stastitik Tahunan Kes Baru dan Ulangan 2014 hingga 2016




**Graf B: Jenis Kes Yang Dirawat Pada Tahun 2014-2016**




**Graf C: Stastitik Tahunan Pembedahan Minor, Major dan Implant Bagi Tahun 2014-2016**





**Graf D: Jumlah Stastistik Tahunan Jenis Rawatan Diberi/Kecederaan Tulang Bagi Tahun 2014- 2016**



## 12.6 RUMUSAN

Perancangan Klinik Pakar Bedah Mulut pada masa hadapan adalah menjadikan panggilan “on call” secara pasif kepada panggilan aktif. Memandangkan pertambahan jumlah pesakit yang meningkat diharap rawatan dapat diberi secepat mungkin.

## 13.0 PENGENALAN

**LAPORAN  
JABATAN PENGIMEJAN  
DIAGNOSTIK**

Jabatan Pengimejan Diagnostik, Hospital Seberang Jaya merupakan Jabatan Pengimejan terbesar di Daerah Seberang Perai, Pulau Pinang. Jabatan ini menyediakan perkhidmatan pengimejan diagnostik kepada pesakit dari Hospital Seberang Jaya, hospital-hospital dan klinik-klinik kerajaan di Seberang Perai. Ia terletak di tingkat bawah bersebelahan dengan Unit Bekalan Steril CSSD dan bertentangan dengan Jabatan Kecemasan. Jabatan ini memberi perkhidmatan berterusan untuk tempoh 24 jam.

### 13.1 OBJEKTIF

Memberi perkhidmatan pengimejan diagnostik yang berkualiti dalam diagnosa dan perawatan pesakit dengan cepat dan tepat.

### 13.2 PERJAWATAN

Jadual 1 : Perjawatan di Jabatan Pengimejan Diagnostik

JAWATAN	GREED	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN
Pakar Radiologi	JUSA C	1	1	0
Pakar Radiologi	UD 54	5	7	0
Pegawai Perubatan	UD54	2	1	0
Pegawai Perubatan	UD44/48		6	
Pegawai Sains Fizik	C41	1	1	0
Juru X-Ray	U44	1	1	0
Juru X-Ray	U41/42	2	2	0
Juru X-Ray	U36	3	3	0
Juru X-Ray	U32	4	4	0
Juru X-Ray	U29	24	21	3
Jururawat Terlatih	U32(KUP)	1	3	0
Jururawat Terlatih				
Jururawat Masyarakat	U19	0	1	0
Pembantu Perawatan Kesihatan	U11	3	7	0

### 13.3 PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

Jabatan Pengimejan Diagnostik, Hospital Seberang Jaya memberi perkhidmatan pengimejan diagnostik, terapeutik dan kepakaran radiologi melalui beberapa modaliti yang merangkumi :-

- i. Perkhidmatan X-Ray Am dan Mudah Gerak
- ii. Perkhidmatan OPG
- iii. Perkhidmatan Ultrasonografi
- iv. Perkhidmatan *Image Intensifier* ( II ) di Dewan Bedah

- v. Perkhidmatan CT Scan (Tomografi Berkomputer)
- vi. Perkhidmatan Mammografi.
- vii. Perkhidmatan MRI
- viii. Perkhidmatan Laporan filem x-ray dari Hospital dan Klinik Kesihatan di Seberang Perai.


### 13.4 AKTIVITI-AKTIVITI YANG DIJALANKAN

- i. Kursus Dan Taklimat
  - *X-Ray Technology Update Seminar 2016 – 30/01/2016*
  - *Update on Mammography 2016 – 2/4/2016*
  - *Ultra Sound Course 2016 – 25/5/2016*
  - *Interactive Radiology Pre-Congress Workshop 2016 - 21/10/2016*
  - CME Jabatan
  - Interdepartment CME- Bahagian Perubatan, Pediatrik, dan Pembedahan
- ii. Sambutan
  - *Penang International Day of Radiology and Medical Physics 2016 – 15/11/2016*

### 13.5 PENCAPAIAN

- i. Beban kerja.

Carta 1: Perbandingan Beban Kerja tahun 2014, 2015 dan 2016



ii. Aktiviti Peningkatan Kualiti

- Klinikal Audit

Audit ke atas kualiti filem mobile x-ray dada bagi pesakit neonatal.

Tempat Pertama Kategori Sokongan Klinikal Pertandingan Audit Klinikal Hospital Seberang Jaya

- QA

*Difficult Visualisation Of Peripheral Inserted Central Venous Catheter (PICC) Tip In Chest X-ray Among Neonates In SCN.*

- Inovasi

Raybox

Penyertaan Pertandingan Inovasi Hospital Seberang Jaya

- Kajian Kepuasan Pelanggan

Kajian masa menunggu untuk pemeriksaan xray dalam tempoh 1 jam dengan pencapaian 90%

- Kajian

- Kajian Tentang Persefahaman Di Antara *Doppler Ultrasound* Dan *Magnetic Resonance Imaging* Tanpa Media Kontras Di Dalam Mendiagnosa Sumbatan Salur Darah Utama Ke Buah Pinggang Dan Faktor-faktor Mempengaruhinya.
- *Screening of Pulmonary Tuberculosis in Elderly Diabetes in Primary Care Clinics – A Cross Sectional Study.*

- National Indicator Approach / Key Performance Index

Jadual 2: Pencapaian KPI 2016

BIL	KPI	STANDARD	PERFORMANCE
1.	% of x-rays with turnaround time of $\leq 45$ minutes of urgent plain radiological examination requested by the Emergency and Trauma Department.	$\geq 80\%$	92%
2.	% of patients with significant pneumothorax/haemorrhage requiring intervention following percutaneous interventional procedures in the thorax, abdomen and pelvis.	$\leq 10\%$	0%
3.	% of rejected radiography/ radiographic images	$< 5\%$	1.6%
4.	Turnaround time of $\leq 2$ working days for final report of special radiological examination done on inpatients	$\geq 97\%$	100%
5.	Turnaround time of $\leq 14$ working days for final report of special radiological examination done on outpatients.	$\geq 90\%$	100%
6.	% of patients with waiting time of $\leq 60$ minutes for commencement of ultrasound examination	$\geq 80\%$	100%

## 13.6 RUMUSAN

Jabatan Pengimejan Diagnostik akan berusaha untuk memperbaiki perkhidmatan kepada pesakit dari masa ke semasa dengan memfokuskan aktiviti memberi kepuasan kepada pelanggan serta memperbaiki taraf kesihatan masyarakat seperti :

- i. Menitikberatkan pelaksanaan ISO dan Akreditasi di peringkat Jabatan
- ii. Meningkatkan Program Kualiti dan Penambahbaikan pada prosidur.
- iii. Memupuk semangat kerjasama di kalangan anggota.
- iv. Pengurusan Perkhidmatan Kaunter yang lebih sistematik dan mesra pelanggan.

Untuk mencapai sasaran tersebut, jabatan ini memerlukan komitmen yang tinggi dari semua peringkat anggota Jabatan Pengimejan Diagnostik.

## 14.0 PENGENALAN

# LAPORAN UNIT OTORINOLARINGOLOGI

Unit Pakar ORL (OTORINOLARINGOLOGI) atau lebih dikenali sebagai Unit E.N.T telah ditubuhkan pada Jun 2011 secara lawatan pakar daripada Hospital Bukit Mertajam. Pada permulaannya unit ini telah di ketuai oleh seorang Pakar ORL Dr.Khor Bee Lian (UD 44). Unit ini berfungsi sepenuhnya pada tahun 2012 dan telah dianggotai oleh 8 orang kakitangan.

## 14.1 OBJEKTIF

Memberi perkhidmatan dan perawatan Kepakaran ORL kepada masyarakat berhampiran kawasan seberang perai utara.

## 14.2 PENJAWATAN

Jadual 1: Perjawatan Di Unit Pakar ORL

JAWATAN	PERJAWATAN	PENGISIAN	KOSONG
Pakar ORL UD54	1	1	0
Pegawai Perubatan UD42	0	5	0
Pegawai Pemulihan Pendengaran U41	1	1	0
Pen.Peg. Perubatan U32	0	1	0
Ketua Jururawat U32/KUP32	0	3	0
Jururawat Terlatih U29	0	3	0
Pem.Per. Kesihatan U3	0	2	0
Jumlah	2	16	0

## 14.3 PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN

Memberi perkhidmatan dan perawatan Kepakaran ORL mengikut jadual seperti dibawah.

Jadual 2: Jadual Perkhidmatan Di Unit Pakar ORL

HARI	MASA	AKTIVITI	CATATAN
ISNIN	8.00 AM – 1.00 PM 2.00 PM – 4.30 PM	KES BARU & ULANGAN	KLINIK ORL HSJ
SELASA	8.00 AM – 1.00 PM 2.00 PM – 4.30 PM	KES BARU & ULANGAN	KLINIK ORL HSJ
RABU	8.00 AM – 1.00 PM 2.00 PM – 4.30 PM	KES BARU & ULANGAN ENT ENDOSCOPE	KLINIK ORL HSJ
KHAMIS	8.00 AM – 5.00 PM	HARI PEMBEDAHAN ELEKTIF	DEWAN BEDAH NO.4 HSJ
JUMAAT	8.00 AM – 12.15 PM 2.45 AM – 4.30 PM	KES BARU, ULANGAN & RUJUKAN WAD	KLINIK ORL HSJ

## 14.4 AKTIVITI YANG DIJALANKAN

Aktiviti Klinik Pakar ORL adalah melibatkan aktiviti dalaman sahaja.



## 14.5 PENCAPAIAN

Jadual 3: Jumlah Kedatangan Pesakit Baru Dan Ulangan Ke Klinik Pakar ORL Bagi Tahun 2016

BULAN	BILANGAN HARI KLINIK	BARU	JUMLAH
Jumlah	196	2018	6522

Jadual 4: Jumlah Kedatangan Pesakit Luar Baru Mengikut Umur/Jantina Untuk Tahun 2016

BULAN	<10 TAHUN		10-9		20-59		60		JUMLAH		JUMLAH BESAR
	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	
Jan	67	45	71	51	102	74	66	57	306	227	533
Feb	53	46	63	58	80	56	57	53	253	213	466
Mac	72	84	90	62	110	79	65	56	337	281	618
Apr	73	67	65	60	79	89	82	64	299	280	579
Mei	61	68	79	82	110	77	50	65	300	292	592
Jun	44	38	67	52	103	107	70	51	284	221	532
Jul	48	21	63	67	64	64	46	52	221	214	435
Ogs	66	68	71	68	118	89	56	46	311	271	582
Sep	67	66	65	75	86	74	52	58	270	273	543
Okt	49	64	78	77	108	90	53	47	292	280	572
Nov	73	65	83	52	103	90	64	58	323	265	588
Dis	17	43	65	45	89	78	58	56	266	222	482
JUMLAH	738	675	860	749	1152	967	719	663	3462	3039	6522

Jadual 5: Punca Rujukan Pesakit Ke Klinik Pakar ORL Tahun 2016

PUNCA RUJUKAN	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGS	SEP	OKT	NOV	DIS	JUM
Jabatan Kecemasan	113	116	114	105	124	110	90	111	112	115	101	70	1281
Klinik Kesihatan	47	16	79	50	49	35	37	73	47	52	49	47	581
Hospital Lain	2	4	3	0	14	6	2	5	2	9	16	7	70
Pengamal Perubatan Am	8	9	9	8	30	21	5	7	10	13	15	6	141
Lain-Lain	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	3
Jumlah (Kes Baru)	170	148	205	163	217	172	134	196	171	189	181	130	2076
Ulangan	363	318	413	416	375	360	301	386	372	382	407	352	4445
JUMLAH KEDATANGAN	533	466	618	579	592	532	435	582	543	572	588	482	6522

## 14.6 RUMUSAN

Unit ini berharap dapat berkembang dengan seiring keperluan dan permintaan pelanggan yang memerlukan perawatan penyakit telinga hidung dan tekak. Bahkan unit ini telah mengembangkan skop perkhidmatannya kepada rawatan kepakaran kepala dan leher. Harapan unit ini dapat ditempatkan ke lokasi baru yang lebih kondusif untuk pesakit dalam memberi perawatan yang lebih baik dimasa hadapan.



## 15.0 PENGENALAN

# LAPORAN UNIT FISIOTERAPI

Unit Fisioterapi Hospital Seberang Jaya menyediakan perkhidmatan Rehabilitasi merangkumi *therapeutic, restorative* dan *preventive* untuk mengembalikan pergerakan dan fungsi kepada sehampir normal pesakit sebelum kecederaan ,penyakit atau kecacatan . Perkhidmatan dibahagikan kepada dua iaitu rawatan kepada pesakit luar dan pesakit dalam wad.

## 15.1 OBJEKTIF

- Menerima rujukan daripada Hospital dan Klinik kerajaan dan swasta.
- Memberi perkhidmatan fisioterapi di wad dalam masa 24 jam dirujuk untuk pesakit dalam dan pesakit luar dalam masa lima hari bekerja.
- Pesakit yang dirujuk akan dinilai dengan teliti menggunakan borang penilaian yang disediakan dalam perkhidmatan seterusnya dianalisisakan pemasalahan mereka. Ahli fisioterapi seterusnya merancang bersama pesakit perawatan yang paling bersesuaian dan melaksanakan perawatan. Pesakit dihantar pulang dengan perawatan atau nasihat yang bersesuaian untuk diteruskan.

## 15.2 PERJAWATAN

Jadual 1 :Perjawatan di Unit Fisioterapi pada tahun 2016

NAMA JAWATAN	PERJAWATAN	PENGISIAN	KOSONG
Pegawai Pemulihan Fisioterapi U44	1	1	0
Pegawai Pemulihan Fisioterapi U41	1	1	0
Jurupulih Fisioterapi Perubatan U36	2	2	0
Jurupulih Fisioterapi Perubatan U32	2	2	0
Jurupulih Fisioterapi Perubatan U29	9	9	0
Pembantu Perawatan Kesihatan U11	3	3	0
<b>Jumlah</b>	18	18	0

## 15.3 PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

<ul style="list-style-type: none"><li>• Electrotherapy Modalities</li><li>• Muskuloskeletal Rehabilitation</li><li>• Acute/Chronic Pain Management</li><li>• Neurological Rehabilitation</li><li>• Cardiorespiratory Rehabilitation</li><li>• Paediatrics Rehabilitation</li><li>• Amputation Rehabilitation</li><li>• Lymphedema Rehabilitation</li><li>• Womens and Men Health Rehabilitation</li><li>• Perkhidmatan fisioterapi hujung minggu di Unit ICU &amp; CCU &amp; SCN</li><li>• Pulmonary rehabilitation (september 2013)</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Sports Injury Rehabilitation</li><li>• Post Natal Care and Exercises</li><li>• Chest Physiotherapy</li><li>• Pre-operative Physiotherapy (Surgical Clinic)</li><li>• “Cryotherapy”</li><li>• Vestibular rehabilitation ( Jun 2013)</li><li>• <i>Education Program - CRP, Post Mastectomy Clinic</i></li><li>• Hydrotherapy - “Whirlpool”</li><li>• Multi-disciplinary clinic/ward round – Rehab. Clinic, Medical Stroke round</li></ul>
--	---

#### 15.4 AKTIVITI YANG DIJALANKAN

- i. Kursus Dalam Perkhidmatan “Physiotherapy Rehab on Posture Pro Guide” yang telah berjaya dilaksanakan pada 14 May 2016. Penceramah jemputan dari GT Physio telah dijemput untuk member tunjuk ajar dalam kursus ini dan dihadiri seramai 40 orang ahli Fisioterapi seluruh negeri Pulau Pinang. Kursus ini diadakan di Gimnasium Unit Fisioterapi, Hospital Seberang Jaya.
- ii. Program Bersama Komuniti di Lembaga Hasil Dalam Negeri Bukit Mertajam telah dilaksanakan dengan jayanya pada 20 May 2016 dengan tema “Sport Injury and Physical Test “. Seramai 80 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan dan 7 orang ahli Fisioterapi dan 4 pelatih Fisioterapi dari UiTM turut bersama menjayakan program ini.
- iii. Sambutan Hari Fisioterapi Sedunia dan Hari Bersama Pelanggan Unit Fisioterapi telah diadakan dengan jayanya pada 26 dan 27 September 2016 bertempat di Foyer Hospital Seberang Jaya. Pada hari tersebut Unit Fisioterapi telah mengadakan sesi senaman aerobik , pameran kesihatan dan pemeriksaan “Body Composition Mass Index “untuk orang awam. Seramai 183 orang awam telah melawat dan membuat pemeriksaan.
- iv. Unit Fisioterapi telah mengambil bahagian dalam pertandingan Klinikal Audit peringkat Hospital Seberang Jaya pada 25 Ogos 2016 di dewan Mutiara yang bertajuk Physiotherapy Management In TKR patient.
- v. Unit Fisioterapi Hospital Seberang Jaya dan bersama Unit Fisioterapi Hospital Kepala Batas telah menjayakan Hari Fisioterapi Sedunia peringkat negeri Pulau Pinang pada 8 September 2016 yang telah berlangsung di Lobi Hospital Pulau Pinang. Tema pameran kami adalah mengenai “Know Your Body Age”. Pemeriksaan “Body Composition Mass Index “dan Pendidikan Pesakit dalam kesedaran mengatasi masalah-masalah mengenai “Body Fat”. Seramai 110 orang telah mengunjungi booth yang berlangsung dari jam 9 pagi hingga 12 tengahari.
- vi. Sambutan Hari Diabetik Sedunia Hospital Seberang Jaya telah diadakan pada 30 November 2016 di Lobi Hospital Seberang Jaya. Unit Fisioterapi telah memulakan acara pada pagi tersebut dengan senaman aerobik untuk orang awam dan staf-staf hospital yang telah menjadi peserta pada hari tersebut. Selain ini unit Fisioterapi telah

membuka booth pameran mengenai Diabetik dan Senaman untuk pesakit Diabetik. Seramai 96 orang telah mengunjungi booth Unit Fisioterapi.

## 15.5 PENCAPAIAN

- i. **Statistik Bilangan Pesakit Luar dan Pesakit Dalam yang dijalankan di Unit Fisioterapi Hospital Seberang Jaya sepanjang tahun 2014 - 2016.**



- ii. **Statistik Bilangan Perawatan Pesakit Luar dan Pesakit Dalam yang dijalankan di Unit Fisioterapi Hospital Seberang Jaya sepanjang 2014 - 2016.**




- iii. **Laporan KPI Dan NIA**

2 NIA yang sedia ada (Burn dan Low Back Pain), penambahan 3 KPI (Pesakit dirujuk diberi rawatan dalam 24 jam dirujuk untuk pesakit dalam, Pesakit luar dalam 10 hari dirujuk dan *thermal sensation test*) dan 1 PI pada 2016 (Masa menunggu pesakit menerima rawatan kurang 30 minit). Pencapaian 100% dan tiada SIQ.

Jenis	Indikasi	STANDARD	Numerator	Denominator	PENCAPAIAN
KPI	Pesakit luar dalam 10 hari dirujuk	≥80%	2682	2682	100%
KPI	Pesakit dirujuk diberi rawatan dalam 24jam dirujuk untuk pesakit dalam	100%	4486	4486	100%
KPI	<i>Thermal sensation test</i>	100%	954	954	100%
	Masa menunggu pesakit menerima rawatan kurang 30 minit	≥80%	17183	17183	100%
NIA	Incidence of burns	0	0	0	100%
NIA	Percentage of Patient with Backache	≥87%	36	36	100%

#### iv. Laporan Kepuasan Pelanggan

Tempoh Kajian : November-Disember 2016



Secara kesimpulannya, prestasi kualiti perkhidmatan daripada bulan November - Disember 2016 adalah baik iaitu 80%. Penambahbaikan telah dilaksanakan merujuk kepada permasalahan tahun lepas serta perkhidmatan kaunter, peralatan dan rawatan daripada ahli fisioterapi dititikberatkan supaya lebih berkualiti. Perkhidmatan Fisioterapi akan sentiasa memastikan mutu perkhidmatan akan lebih berkualiti daripada masa ke semasa supaya dapat menepati kehendak pelanggan.

## 15.6 RUMUSAN

Sepanjang tahun 2016, Unit Fisioterapi telah berjaya melaksanakan beberapa aktiviti yang telah dirancang dengan jayanya daripada usaha semua pihak dengan perancangan yang teliti. Manakala pencapaian dari segi klinikal, pada tahun ini statistik bilangan pesakit dan perawatan kepada pesakit meningkat berbanding dengan tahun sebelumnya. Pencapaian unit fisioterapi pada tahun 2016 adalah sangat baik dan mencapai sasaran.

## 16.0 PENGENALAN

# LAPORAN UNIT PEMULIHAN CARAKERJA

Unit Pemulihan Carakerja Hospital Seberang Jaya beroperasi sejak 1996 dengan memberi pelbagai perkhidmatan rehabilitasi yang beroperasi di 2151-B, Kuarters pegawai Perubatan Hospital Seberang Jaya. Pemulihan Carakerja adalah satu rawatan pemulihan/rehabilitasi yang menggunakan aktiviti yang terpilih untuk individu-individu yang mengalami masalah hilang upaya akibat dari kecederaan/penyakit, ketidakfungsian psikososial, kanak-kanak bermasalah. Rawatan/rehabilitasi adalah bertujuan untuk mencapai tahap kefungsian optima dalam kehidupan seharian, pekerjaan dan riadah agar dapat berdikari dalam komuniti.

## 16.1 OBJEKTIF UNIT

Menyediakan perkhidmatan Pemulihan Carakerja yang komprehensif terhadap pesakit pelbagai kondisi melalui aktiviti terapeutik khusus untuk mencapai kefungsian optimum dalam aktiviti kehidupan seharian, pekerjaan, psikososial dan riadah.

## 16.2 PENJAWATAN UNIT

Jadual 1: Perjawatan Di Unit Pemulihan Carakerja

JAWATAN	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN
Peg. Pem. Perubatan Carakerja U44	1	1	-
Peg. Pem. Perubatan Carakerja U41	1	1	-
Jurupulih Perubatan Carakerja U38	1	1	-
Jurupulih Perubatan Carakerja U36	1	1	-
Jurupulih Perubatan Carakerja U32	3	3	-
Jurupulih Perubatan Carakerja U29	10	8	2
Pembantu Perawatan Kesihatan U12	2	2	-
<b>JUMLAH</b>	<b>19</b>	<b>17</b>	<b>2</b>

## 16.3 PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

Peranan utama unit ini adalah untuk memberi rawatan dan rehabilitasi kepada pesakit dalam dan luar yang dirujuk dari wad dan klinik. Antara perkhidmatan yang disediakan adalah seperti:-

- *ADL assessment & training*
- *Physical assessment*
- *Cognitive & perceptual assessment & training*
- *Preschool assessment*
- *Wheelchair assessment & training*
- *Driving assessment*
- *Work / vocational assessment and training*
- *Home / work place / school assessment*
- *Behavior assessment & training*
- *Developmental assessment*
- *Aids and adaptation*
- *Compression therapy*
- *Creative therapy*
- *Social skill training*
- *Patient and careers' education*
- *Play and leisure (exploration and training)*
- *Relaxation therapy*
- *Sensory training*
- *Motor training (gross & fine motor)*
- *Splint and orthotics*
- *Sensory integration, Stimulation and reflex*
- *Early Intervention Program*

## 16.4 AKTIVITI YANG DIJALANKAN

### i. **Sehari Bersama Pelanggan**

Sempena dengan sambutan "**Occupational Therapy World Day**" unit ini telah bekerjasama dengan seluruh Unit Pemulihan Carakerja di negeri Pulau Pinang untuk menjalankan sehari bersama pelanggan dengan mengadakan aktiviti pameran perkhidmatan Pemulihan Carakerja dan penggunaan kerusi roda. Sambutan ini telah dijalankan pada 26/10/16 di perkarangan Foyer B Hospital Pulau Pinang, dimana turut melibatkan warga hospital dan orang awam.

### ii. **Kajian Kepuasan Pelanggan**

Kajian ini dijalankan di dalam 2 peringkat iaitu pada bulan Jan-Jun dan Julai-Disember 2016. Secara keseluruhan pada peringkat pertama iaitu bulan Jan-Jun, 99% pelanggan berpuas hati manakala 1% tidak puas hati terhadap perkhidmatan yang diberikan kerana masalah parker, tiada pamflet yg sesuai dan penjaga tiak dapat menemani pesakit semasa rawatan dijalankan. Bagi fasa kedua iaitu pada bulan Julai-Disember, 100% pelanggan berpuas hati.

### iii. **Sambutan Hari Diabetis Sedunia Peringkat Hospital Seberang Jaya**

Sambutan ini telah dijalankan di hadapan Ruang Legar Hospital Seberang Jaya pada 30/1/16. Pameran ini pendedahan kepda orang awam tentang penilaian awal, dan rawatan kepada pesakit diabetes. Selain itu, turut memberi pendidikan kesihatan kepada pesakit diabetes dan orang awam.

**iv. Sambutan Hari Stroke Peringkat Unit**

Sambutan Hari Stroke telah dilaksanakan dengan jayanya pada 21/12/16. Sambutan ini telah diadakan di Unit Pemulihan Carakerja Hospital Seberang Jaya dengan perlibatan warga kerja unit Pemulihan Carakeja dan pesakit stroke. Antara aktiviti yang dijalankan adalah senaman aerobic, Aktiviti “Grooming”, Aktiviti “Meal Preparation” dan Aktiviti “Eating”.

**v. Continues Occupational Therapy Education (COTE)**

Program pendidikan kepada Jurupulih Carakerja dan Pelatih diteruskan setiap bulan untuk memberi pendedahan teknik dan teori terkini kepada kakitangan. Dimana program ini telah Berjaya dijalankan sebanyak 12kali iaitu mencapai sasaran 100%.

**vi. Home / School / Work Visit Rehabilitation**

Program lawatan ke rumah dan tempat kerja dijalankan unutm melihat dan menilai tahap perkembangan dan keberdikarian pesakit dilapangan. Lawatan ini dilakukan jika terdapat pesakit yang memerlukan intensif pemulihan dirumah dan tempat kerja.

**vii. Hari Klinik Bersama Pakar Rehabilitation**

Unit ini telah menjalankan hari klinik bersama pakar iaitu setiap rabu di Klinik Diabetik dan setiap Khamis sebulan sekali di klinik Pakar 3 bersama Pakar Rehabilitasi.

**viii. Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia**

Sambutan hari Kanak-kanak telah dijalankan pada 4/6/16 di Rumah Kanak-Kanak Taman Bakti, Kepala Batas. Program ini merupakan program bersama pediatrik Hospital Seberang Jaya. Antara aktiviti yang dijalankan adalah penilaian awal terhadap kanak-kanak, pergerakan motor halus dan kemahiran kognitif.


**ix. Pertandingan Inovasi Peringkat Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang**



Pertandingan ini telah berlangsung pada 27/10/16, bertempat di Tabung Haji Hotel (Kompleks Tabung Haji) Bayan Lepas, Pulau Pinang dengan perlibatan 4orang peserta. Kumpulan ini telah menjadi JUARA dengan membawa tajuk inovasi “EZ Walk”.

## 16.5 PENCAPAIAN

Graf 1: Jumlah Pesakit Dan Jumlah Rawatan Dari Tahun 2014-2016



Jadual 2: Statistik Bilangan Pesakit Dan Rawatan Tahun 2016

BULAN JAN-DIS											
BIL. PESAKIT						BIL. RAWATAN (MODALITI RAWATAN)					
PESAKIT DALAM			PESAKIT LUAR			PESAKIT DALAM			PESAKIT LUAR		
Kes Baru	Kes Ulangan	Jum	Kes Baru	Kes Ulangan	Jum	Kes Baru	Kes Ulangan	Jum	Kes Baru	Kes Ulangan	Jum
1721	1778	3499	1507	5682	7189	4184	4562	8746	4146	22999	27145

Jadual 3: Modaliti Rawatan Perkhidmatan Pemulihan Carakerja Tahun 2016

MODALITI RAWATAN	KES BARU	KES ULANGAN	JUM	PESAKIT DALAM	PESAKIT LUAR	JUM	JUM BESAR
Activity Daily Living Assesment & Training	445	393	838	546	1274	1820	2658
Motor & Functional Aseessment & Training	800	938	1738	756	6128	6884	8622
Cognitive & Perceptual Assessment & Training	215	132	347	191	2861	3052	3399
Pre School Assessment & Training	-	-	-	27	116	143	143
Wheelchair Assessment & Training	-	-	-	-	1	1	1
Driving Assessment & Training	-	-	-	99	20	119	119
Work / Vocational Assessment And Training	-	-	-	59	92	151	151
Home / Work Place / School Assessment & Training	-	-	-	3	8	11	11
Behavior Management	10	-	1	82	1018	1100	1101
Developmental Assessment & Training	374	869	1243	106	1239	1345	2588
Aids And Adaptation	51	30	81	89	115	204	285
Compression Therapy	1289	874	2163	81	170	251	2414
Creative Therapy	-	-	-	6	152	158	158



Social Skill Training & Assessment	1	5	6	54	2212	2266	2272
Patient and Careers' Education	812	753	1565	1420	3796	5216	6781
Play And Leisure (Exploration and Training)	-	9	9	31	503	534	543
Relaxation Therapy	26	5	31	76	56	132	163
Sensory Assessment & Training	78	364	442	317	2711	3028	3470
Splint And Orthotics	74	186	260	86	280	366	626
Lain-Lain (Rawatan Terkini) Nyatakan:	18	4	22	117	247	364	386
	4184	4562	8746	4146	22999	27145	35891
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>							

Jadual 4: Key Performance Indicator (KPI)

#### 4.1: KPI 1

<b>NAMA INDIKATOR</b>	<b>Percentage of stroke patients with improvement of <u>Activities of Daily Living (ADL)</u> independent after ADL Intervention</b>		
<b>NUMERATOR</b>	The total number of STROKE patients who attained a score of 75% and above MBI within 6 months.		
<b>DENOMINATOR</b>	The total number of STROKE patients referred to Occupational Therapist.		
<b>SASARAN &gt;75%</b>	<b>NUMERATOR</b>	<b>DENOMINATOR</b>	<b>2016</b>
<b>JUMLAH</b>	16	16	<b>100%</b>

#### 4.2: KPI 2

<b>NAMA INDIKATOR</b>	<b>Percentage of patients referred for occupational therapy receiving intervention within 24hours working</b>		
<b>NUMERATOR</b>	Total no of inpatient received occupational therapy intervention within 24 hours working		
<b>DENOMINATOR</b>	Total no of patient referred for occupational therapy intervention.		
<b>SASARAN &gt;95%</b>	<b>NUMERATOR</b>	<b>DENOMINATOR</b>	<b>2016</b>
<b>JUMLAH</b>	1567	1567	<b>100%</b>

#### 4.3: KPI 3

<b>NAMA INDIKATOR</b>	<b>Percentage of patients referred for occupational therapy receiving intervention within 3 working days</b>		
<b>NUMERATOR</b>	Total no of outpatient received occupational therapy intervention within 3 working days		
<b>DENOMINATOR</b>	Total no of patient referred for occupational therapy intervention.		
<b>SASARAN &gt;95%</b>	<b>NUMERATOR</b>	<b>DENOMINATOR</b>	<b>2016</b>
<b>JUMLAH</b>	681	689	<b>98.8%</b>

## 16.6 RUMUSAN

Secara keseluruhannya, pelan tindakan Unit Pemulihan Carakerja telah mencapai sasaran yang telah di tetapkan. Selain itu, dengan adanya penambahan *subspeciality* seperti *Work Rehabilitation, Driving Rehabilitation, TBI Rehabilitation,* dan *Sensory Integration* menjadikan perkhidmatan pemulihan carakerja lebih efisien kepada pesakit.

## 17.0 PENGENALAN

# LAPORAN UNIT KERJA SOSIAL PERUBATAN

Unit Kerja Sosial Perubatan merupakan salah satu daripada unit yang memberi perkhidmatan sokongan klinikal kepada pesakit. Tujuan utama penubuhan unit ini adalah untuk memberikan perkhidmatan berbentuk terapi sokongan dan bantuan praktik kepada klien iaitu pesakit yang mendapatkan rawatan di hospital ini agar mereka dapat berfungsi sebaik mungkin apabila kembali semula kepada masyarakat.

## 17.1 OBJEKTIF

Membantu menyelesaikan masalah dan pemulihan pesakit dalam aspek psikososial agar mereka dapat kembali menjadi anggota masyarakat yang proaktif, berdikari dan sesuai dengan batas keupayaan yang diakibatkan oleh penyakitnya.

## 17.2 PERJAWATAN

Jadual 1 : Perjawatan Di Unit Kerja Sosial Perubatan

JAWATAN	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN
Pegawai Kerja Sosial Perubatan S44	2	2	0
Pegawai Kerja Sosial Perubatan S41	2	2	0
Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat S27	1	1	0
Pembantu Tadbir (kontrak)	1	1	0
<b>Jumlah</b>	<b>6</b>	<b>6</b>	<b>0</b>

## 17.3 PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

### i. Bantuan Praktik

- Bantuan Rawatan/ Pembelian Peralatan Perubatan/ Ubatan/ Peralatan Rehabilitasi
- Bantuan Kewangan Rawatan Bulanan (MAKNA)
- Bantuan Tambang Ke Tempat Rawatan/ Rumah
- Bantuan Pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU)
- Bantuan Penempatan Institusi
- Penilaian Sosioekonomi

## **ii. Terapi Sokongan**

- Keganasan Rumahtangga
- Ibu Tanpa Nikah
- Kes Rogol
- Pengabaian Kanak-Kanak
- Penderaan Kanak-Kanak

## **17.4 AKTIVITI YANG DIJALANKAN**

### **i. Pameran Perkhidmatan Kerja Sosial Perubatan**

Tarikh pameran adalah pada 22.02.2016 hingga 26.02.2016. Tempat pameran di perkarangan lobi Hospital Seberang Jaya. Pameran diadakan bertujuan untuk memberi penerangan mengenai peranan Unit Kerja Sosial Perubatan melalui poster-poster yang ditampal. Turut dijalankan pertandingan kuiz dan pengedaran risalah kepada orang ramai mengenai Unit Kerja Sosial Perubatan.

### **ii. Kursus Pengurusan Perkhidmatan Kerja Sosial Perubatan Peringkat Zon Utara**

Kursus diadakan pada 7.03.2016 bertempat di Dewan Mutiara, Hospital Seberang Jaya. Objektif kursus adalah mempelajari dan mengetahui terma-terma perubatan bagi memudahkan proses membantu pesakit / waris, meningkatkan motivasi diri untuk bekerja dengan lebih proaktif, memberi kefahaman tentang Pensijilan Akreditasi dan penjelasan tentang Akta Allied Health yang terkini.

### **iii. Ziarah Amal**

Tarikh lawatan Ziarah Amal adalah pada 21.04.2016. Lokasi lawatan di Butterworth, Penaga, Permatang Pauh dan juga Bukit Mertajam. Objektif program adalah untuk perawatan & Sokongan emosi kepada pesakit serta ahli keluarga, memantau perkembangan kesihatan pesakit, menghulurkan bantuan kepada pesakit, mengeratkan silaturrahim diantara kakitangan hospital, sukarelawan dan juga pesakit dan akhir sekali untuk menilai keberkesanan penggunaan peralatan yang telah diberi.

### **iv. Majlis Penyerahan Sumbangan Zakat Kepada Jabatan Kerja Sosial Perubatan Hospital-Hospital Negeri Pulau Pinang**

Majlis diadakan pada 28 April 2016 bertempat di Dewan Mutiara, Hospital Seberang Jaya. Objektif majlis adalah menghulurkan bantuan kepada pesakit islam yang miskin dan kurang berkemampuan dan membantu meringankan beban pesakit dan keluarga.

#### v. Program Tautan Kasih


Program diadakan pada 28.06.2017 bertempat di Wad 1, Wad 2, Jabatan Kecemasan dan juga Wad 12A. Pengisian program adalah pemberian duit raya dan cenderahati kepada 96 orang pesakit. Peruntukan adalah dari Tabung Kebajikan Perubatan Malaysia (TKPM) Cawangan Hospital Seberang Jaya.

#### vi. Majlis Penyerahan Bantuan Dari PELITAWANIS

Majlis diadakan pada 21.10.2016 di bilik Tanjung, Hospital Seberang Jaya. Majlis diadakan bertujuan untuk membantu meringankan beban pesakit dan keluarga. Seramai 10 orang pesakit telah diberikan bantuan berupa wang tunai pada majlis tersebut.


### 17.5 PENCAPAIAN

Jadual 2 : Jumlah Rujukan Kes Mengikut Disiplin




Jadual 2 di atas menunjukkan jumlah kes mengikut disiplin bagi tahun 2016. Disiplin yang paling banyak diterima adalah dari pembedahan am iaitu sebanyak 436 kes. Terdapat peningkatan rujukan dari Hospital Pulau Pinang iaitu untuk kes dari disiplin Kardiologi iaitu sebanyak 94 kes.

**Jadual 3 : Jumlah Kes Mengikut Jenis tahun 2016.**



Jadual 3 di atas menunjukkan jumlah kes mengikut jenis bagi tahun 2014 sehingga tahun 2016. Kes baru adalah yang paling banyak dirujuk. Kes keseluruhan bagi tahun 2014 adalah berjumlah 1997 kes. Tahun 2015 pula adalah sebanyak 1793 kes dan bagi tahun 2016 pula adalah sebanyak 2144 kes.

**Jadua 4 : Kategori Rujukan Kes Tahun 2016**



Jadual 4 menunjukkan jumlah kes terapi sokongan dan juga bantuan praktik yang dikendalikan oleh Unit Kerja Sosial Perubatan bagi tahun 2014 hingga tahun 2015. Bagi tahun 2016 sebanyak 1274 kes adalah dari kes bantuan praktik seperti kes yang memerlukan bantuan alat perubatan, kos pembedahan, bantuan sara hidup, mengesan waris,


penempatan institusi dan juga lain-lain lagi. Bagi kes terapi sokongan, adalah sebanyak 661 kes telah dikendalikan. Kes ini biasanya berkaitan kes ibu tanpa nikah, masalah perkahwinan, penderaan kanak-kanak, pengabaian, dan lain-lain lagi. Ianya lebih kepada khidmat nasihat dari pegawai.

**Jadual 5 : Jumlah Rujukan Mengikut Agensi Bagi Tahun 2016**

BIL	PUSAT RUJUKAN	BILANGAN KES
1	Arthritis Foundation Malaysia	0
2	JPN	11
3	Bahagian Pencen ATM	0
4	PPW	26
5	Pusat Urus Zakat	39
6	JKM	126
7	YKN	0
8	TKPM	333
9	TBP	77
10	MAKNA	81
11	Darul Hanan	1
12	WCC	0
13	Buddist Tsu-Chi	0
14	Persatuan Bekas Tentera	0
15	ONE HOPE	24
16	perkeso	0
17	JPA	1
18	Pejabat Agama Islam	1
19	Persatuan Dermawan Jinshan	4
20	Institut Jantung Negara (IJN)	1
21	Jabatan Pendidikan	1
22	Unit Hasil IPPT	1


Jadual 5 di atas menunjukkan jumlah rujukan permohonan yang dibuat oleh pegawai mengikut agensi bagi tahun 2016. Jelas dapat dilihat bahawa, rujukan ke Tabung Kebajikan Perubatan Malaysia (TKPM) adalah yang paling banyak iaitu 333 permohonan.

**Jadual 6 : Jumlah Bantuan Kewangan Dari Tabung Bantuan Perubatan (TBP)**



Jadual 6 menunjukkan jumlah bantuan kewangan yang diterima oleh Unit Kerja Sosial Perubatan dari Tabung Bantuan Perubatan (TBP) bagi tahun 2014 hingga 2016. Terdapat peningkatan jumlah nilai kelulusan bagi tahun 2016 berbanding tahun 2015 iaitu sebanyak RM227506.00

Jadual 7: Jumlah kes yang dirujuk kepada pihak Majlis Kanser Nasional (MAKNA)



Jadual 7 menunjukkan jumlah kes yang dirujuk oleh Unit Kerja Sosial Perubatan kepada pihak Majlis Kanser Nasional (MAKNA) untuk bantuan kewangan dari tahun 2014 hingga tahun 2016. Terdapat penurunan dari tahun ke tahun untuk permohonan ke MAKNA.

Jadual 8: Jenis Dan Jumlah Bantuan Dari Tabung Kebajikan Perubatan Malaysia (TKPM) Cawangan Hospital Seberang Jaya.

NO	JENIS BANTUAN	2014 (RM)	2015 (RM)	2016 (RM)
1	Walking frame, walker, compression stocking ,tongkat, kasut, DVT stocking	1555.00	6695.00	5744.00
2	Wheelchair	840.00	2672.00	2479.00
3	Tambang	15640.07	11244.86	17655.75
4	Glucometer ,strip , needle	400	200	300.00
5	Cermin mata, susu khas, ubat	2256.00	3443.50	4767.58
6	Spirometri, splint, brace	3370	3400.00	4900.00
7	Diapers, pampers	2886.51	2606.25	1900.00
8	Ripple Mattress	620.00	330.00	1292.00
9	Tracheostomy, catheter ,PEG tube, IJC	2200.00	1100.00	3954.50
10	Aerochamber, suction machine	3876.00	2370.00	4222.90
11	Lain-Lain -pet scan -keperluan di wad -rawatan maggot -chemoport	3394.50	1914.45	4817.00
	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>47370.78</b>	<b>48825.01</b>	<b>52,032.73</b>

Jadual 8 menunjukkan jenis dan jumlah bantuan yang diberikan oleh Tabung Kebajikan Perubatan Malaysia (TKPM) cawangan Hospital Seberang Jaya bagi tahun 2014 hingga 2016. Terdapat peningkatan yang amat ketara bagi perbelanjaan bagi tahun 2016. Unit Kerja Sosial Perubatan telah menerima sumbangan dari Pusat Urus Zakat (PUZ) Negeri Pulau Pinang untuk membantu pesakit dan disebabkan itu, ramai pesakit yang beragama islam mendapat bantuan.

## **17.6 RUMUSAN**

Terdapat peningkatan kepada bilangan rujukan yang diterima di Unit Kerja Sosial Perubatan setiap tahun. Terdapat peningkatan jumlah pegawai di Unit Kerja Sosial Perubatan bagi tahun 2016 dan ini dapat membantu agar perkhidmatan yang diberikan lebih efisien dan seterusnya dapat membantu para pegawai bagi mengadakan lebih banyak kursus di peringkat hospital.



## 18.0 PENGENALAN

# LAPORAN UNIT PENDIDIKAN KESIHATAN

Unit Pendidikan Kesihatan merupakan salah satu unit di bawah perkhidmatan sokongan bukan klinikal di Hospital Seberang Jaya. Unit ini mula beroperasi pada tahun 2001 diterajui oleh Pegawai Pendidikan Kesihatan. Unit Pendidikan Kesihatan merupakan satu landasan bagi menyalurkan maklumat kesihatan bagi anggota hospital, pesakit, keluarga pesakit dan masyarakat awam. Unit ini juga berperanan melaksanakan perkhidmatan pendidikan pesakit yang berkesan, berkualiti dan komprehensif ke arah perubahan sikap dan tingkahlaku kesihatan yang positif dan menjadikan hospital sebagai pusat promosi dan pendidikan pesakit dalam perkhidmatan perawatan dan pemulihan pesakit.

## 18.1 OBJEKTIF

- i. Berfungsi sebagai pusat sumber pendidikan pesakit
- ii. Memberikan perkhidmatan pendidikan pesakit yang berkesan dan berkualiti ke arah perubahan tingkah laku kesihatan yang positif.
- iii. Memastikan keberkesanan perkhidmatan perawatan pesakit di hospital khususnya dapat dilaksanakan melalui kemudahan dan kepakaran perubatan dan promosi kesihatan.

## 18.2 PERJAWATAN

Jadual 1 :Penjawatan di Unit Pendidikan Kesihatan

JAWATAN	GRED	PENJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN	CATATAN
Pegawai Pendidikan Kesihatan	S41	1	1	0	Kursus Lanjutan Ijazah
Jururawat	U32 (KUP)	0	1	0	Pinjaman
Penolong Pegawai Perubatan	U29	0	1	0	Pinjaman
Jururawat Terlatih	U29	0	0	1	Pinjaman
Pembantu Perawatan Kesihatan	U12	0	1	0	Pinjaman

### 18.3 PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

Unit ini menyediakan perkhidmatan pendidikan pesakit melalui:

- i. Pusat Sumber Pendidikan Pesakit
- ii. Perkhidmatan Berhenti Merokok
- iii. Kelas Pendidikan Pesakit
- iv. Perkhidmatan Saringan Kesihatan
- v. Tayangan TV Pendidikan – Medik TV
- vi. Pameran Kesihatan
- vii. Sambutan Hari Khas Kesihatan

### 18.4 AKTIVITI YANG DIJALANKAN

#### i. Kempen Berhenti Merokok

Unit Pendidikan Kesihatan telah mengadakan pameran berhenti merokok di surau Taman Pauh Jaya sempena Program Karnival Gegar 2016 anjuran Jawatankuasa Surau Taman Pauh Jaya pada 12 November 2016.

#### ii. Kempen Kesedaran Pendermaan Organ

Promosi ini bertujuan untuk memberi kesedaran dan pengetahuan tentang pentingnya pendermaan organ kepada mereka yang memerlukan. Promosi pendermaan organ ini dijalankan pada hujung minggu di luar kawasan hospital seperti di tokong, pusat beli-belah, pasar dan sebagainya. Promosi ini juga diadakan di kilang-kilang atas dasar jemputan. Sebanyak 60 kempen telah dijalankan sepanjang tahun ini dan seramai 614 orang telah berikrar sebagai penderma organ.

#### iii. Kursus Gaya Hidup Sihat

Kursus ini telah diadakan pada 11 Mac 2016 bertempat di Dewan Mutiara dengan penyertaan seramai 46 orang kakitangan Hospital Seberang Jaya. Kursus ini bertujuan meningkatkan pengetahuan dan amalan gaya hidup sihat dalam kalangan kakitangan kesihatan.

#### iv. Pameran Kesihatan

Pameran kesihatan bulanan dijalankan secara berkala di Foyer Hospital Seberang Jaya sempena sambutan hari khas kesihatan yang ditetapkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri. Berikut adalah tajuk pameran yang telah dijalankan sepanjang tahun 2016:

**Jadual 2: Pameran Kesihatan Bulanan Sempena Hari Khas Kesihatan**

BIL	BULAN	TAJUK
1.	January	Denggi/Malaria/Chikungunya/Kusta
2.	Februari	Talasemia/HPV/Imunisasi
3.	Mac	TB/Asma/Buah Pinggang
4.	April	Hari Kesihatan Sedunia/Cara Hidup Sihat
5.	Mei	Tak Nak Merokok/HINI/Hipertensi
6.	Jun	Permakanan Sihat/Obesiti/Denggi/Jerebu
7.	Julai	Kebersihan & Keselamatan Makanan/Nafas Baru Bermula Ramadhan/Kurangkan Gula/Kecergasan/Berjalan 10,000Langkah
8.	Ogos	Penyusuan Susu Ibu/Kanser
9.	September	Penyakit Jantung/Penyakit Kardiovaskular/Senaman & Aktiviti Fizikal
10.	Oktober	Kesihatan Mental/Stress/ pendermaan Organ
11.	November	Diabetes//Banjir/ Leptospirosis
12.	Disember	HIV/AIDS/STD

**v. Program Kecergasan Untuk Kakitangan Hospital Seberang Jaya**

Program ini dijalankan dengan kerjasama Lembaga Pelawat Hospital Seberang Jaya. Program yang dijalankan seminggu sekali bertujuan meningkatkan kecergasan fizikal kakitangan hospital dan keutamaan diberikan kepada kakitangan yang mempunyai BMI lebih daripada 30 kg/m<sup>2</sup>.

**18.5 PENCAPAIAN**

**i. STATISTIK UNIT PENDIDIKAN KESIHATAN**

**Jadual 3: Jumlah Pelanggan Yang mendapatkan Perkhidmatan di Unit Pendidikan Kesihatan**

PERKHIDMATAN	BILANGAN PELANGGAN		
	2014	2015	2016
Perkhidmatan Berhenti Merokok	174	157	125
Pendidikan Pesakit Diabetes	137	85	78
Pendidikan Kardio-rehabilitasi	103	118	98
Pendidikan Pesakit Hipertensi	146	112	99
Saringan Kesihatan	434	327	228
Pengikrar Penderma Organ Berdaftar	586	503	614

**ii. PERKHIDMATAN BERHENTI MEROKOK**

**Jadual 4: Statistik Perkhidmatan Merokok Berhenti**

TAHUN	JUMLAH PEROKOK BERDAFTAR	STATUS MEROKOK SELEPAS 6 BULAN			MENINGGAL DUNIA
		MEROKOK	BERHENTI MEROKOK	KECICIRAN RAWATAN	
2014	174	49 (28.2%)	58 (33.3%)	66 (37.8%)	1 (0.6%)
2015	157	73 (46.5%)	40 (25.5%)	42 (26.8)	2 (1.3%)
2016	125	54 (43.2%)	29 (23.2%)	42 (33.6)	0 (0.0)



## 19.0 PENGENALAN

# LAPORAN UNIT REKOD PERUBATAN

Unit Rekod Perubatan merupakan salah satu perkhidmatan sokongan klinikal yang penting di setiap hospital dalam Kementerian Kesihatan Malaysia. Unit ini dipertanggungjawabkan untuk mengurus perkara-perkara yang berhubung perkhidmatan rekod perubatan dan statistik hospital bagi membantu dalam perawatan pesakit yang cekap, berkesan dan berkualiti.

Rekod perubatan pesakit adalah sumber kepada semua aktiviti perkhidmatan kesihatan samada pengumpulan ataupun penggunaan informasi klinikal. Setiap individu yang mendapat rawatan di hospital akan mempunyai rekod perubatan masing-masing yang disimpan di hospital. Unit Rekod Perubatan mengamalkan sistem rekod perubatan bersepadu semenjak tahun 2000.

### 19.1 OBJEKTIF

- i. Memastikan rekod-rekod perubatan pesakit disimpan dengan selamat, dipelihara kerahsiaannya dan dapat dikesan apabila perlu.
- ii. Memastikan segala urusan yang bersangkutan dengan perkhidmatan yang diberikan dapat disempurnakan mengikut peraturan yang ditetapkan.
- iii. Mengeluarkan laporan perubatan / bedah siasat dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
- iv. Memastikan Laporan Perubatan / Bedah Siasat hanya akan dikeluarkan dengan keizinan pesakit atau waris bagi kes kanak-kanak atau pesakit yang telah meninggal dunia.
- v. Memastikan data serta maklumat yang dikumpul adalah tepat dan berkualiti serta dapat membantu pihak pengurusan dalam penyeliaan perancangan dan penilaian perkhidmatan rawatan perubatan.
- vi. Menguruskan pelupusan rekod-rekod perubatan pesakit yang telah tamat tempoh simpanan.

## 19.2 PERJAWATAN

Jadual 1: Perjawatan Unit Rekod Perubatan bagi Tahun 2016

JAWATAN	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN
Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan) - N41	1	0	1
Pen. Pegawai Rekod Perubatan - N32	1	1	0
Pen. Pegawai Rekod Perubatan - N27	2	2	0
Pembantu Tadbir Kanan - N 22	2	2	0
Pembantu Tadbir - N17	8	8	0
Pembantu Perawatan Kesihatan - U11 (KUP)	9	7	2
Pembantu Awam H11	3	3	0
Pembantu Operasi N11	4	4	0

## 19.3 PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

- Pengurusan rekod perubatan pesakit
- Penyediaan laporan perubatan
- Informasi statistik hospital

## 19.4 AKTIVITI- AKTIVITI YANG DIJALANKAN

- Unit ini terlibat dalam memberi taklimat berhubung fungsi unit pada setiap Kursus Orientasi Anggota Hospital Seberang Jaya dan juga orientasi semua pegawai perubatan siswazah yang baru melaporkan diri.
- Terlibat dalam aktiviti Perluasan Sistem Casemix 2016 yang dianjurkan oleh Bahagian Perkembangan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Terlibat dalam aktiviti Hospital Kluster Seberang Perai 2016 yang dianjurkan oleh Bahagian Perkembangan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Taklimat latihan memperkukuhkan dokumentasi (Casemix) pada 28-29.11.2016 di Klinik Kesihatan Seberang Jaya.

## 19.5 PENCAPAIAN


### i. Penghantaran Rekod Perubatan Pesakit Yang Discaj Dalam Tempoh 72 jam ke Jabatan Rekod Perubatan

Jadual 2 : Penerimaan Rekod Perubatan Pesakit Yang Discaj Dalam Tempoh 72 jam bagi Tahun 2014 Hingga 2016

TEMPOH	2014	2015	2016
Dalam tempoh 72 jam	34,923 (97%)	35,041 (97%)	32,787 (97.62%)
Melebihi 72 jam	909	978	801
Jumlah	35,832	36,019	33,588

### ii. Penyediaan Laporan Perubatan Dalam Tempoh 4 Minggu

Graf A: Penyediaan Laporan Perubatan bagi Tahun 2014 Hingga 2016



Terdapat kenaikan peratus penyediaan laporan perubatan bagi tahun 2016 berbanding tahun 2015. Ini menunjukkan prestasi penyediaan laporan perubatan semakin meningkat.

## 19.6 RUMUSAN

Unit Rekod Perubatan sentiasa berusaha memastikan sistem pengurusan rekod perubatan pesakit berada di tahap yang terbaik dan sistematik dengan memberikan perkhidmatan yang memenuhi kepuasan pelanggan serta mengamalkan budaya kerja cemerlang. .

## LAPORAN UNIT HEMODIALISIS

### 20.0 PENGENALAN

Unit Haemodialisis, Hospital Seberang Jaya mula beroperasi pada 23 November 2009 di tempat baru yang merupakan tempat asal bangunan linen bersebelahan dengan Unit Forensik. Pada asalnya, Unit Haemodialisis, Hospital Seberang Jaya beroperasi di Klinik Kesihatan Butterworth semenjak tahun 2002. Unit Haemodialisis, Hospital Seberang Jaya memberikan perkhidmatan dan rawatan kepada pesakit pesakit di daerah Seberang Perai di bawah penyeliaan Pakar Nefrologi.

### 20.1 OBJEKTIF

Memberi perkhidmatan rawatan haemodialisis kepada pesakit yang mengalami kegagalan ginjal peringkat *End Stage Renal Disease* (ESRD), pesakit ginjal akut di wad, rujukan dari hospital lain, rujukan dari Pusat Dialysis NGO dan swasta dan kes kes sementara.

### 20.2 PERJAWATAN

Jadual 1: Perjawatan Di Unit Haemodialisis Bagi Tahun 2016

BIL	JAWATAN	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN
1	Penolong Pegawai Perubatan U32	2	1	1
2	Penolong Pegawai Perubatan U29	3	3	0
3	Jururawat U29 / U32(KUP)	7	9	0
4	Pembantu Perawatan Kesihatan U11	3	2	1
5	Pembantu Perawatan Kesihatan U14	0	1	0

### 20.3 PERJAWATAN

- i. Unit Haemodialisis memiliki 19 buah mesin dialisis untuk para pesakit pesakit kronik dan akut menjalani rawatan dialisis.
- ii. Kakitangan unit ini juga melakukan tugas tugas atas panggilan untuk kes kes tenat di Unit Rawatan Rapi, CCU serta di wad wad.
- iii. Memberi perkhidmatan 'continuous renal replacement therapy' (CRRT)
- iv. Memberi perkhidmatan 'plasmapheresis' atau plasma 'exchange'
- v. Memberi perkhidmatan 'haemoperfusion' untuk kes kes keracunan toksik yang tertentu




- vi. Unit Haemodialisis ini juga menerima pesakit pesakit Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis (CAPD) yang bermasalah untuk menjalani rawatan haemodialisis.
- vii. Menjalankan sesi penerangan kepada pesakit dan ahli keluarga yang baru di diagnos mengalami kegagalan buah ginjal berkenaan pilihan antara haemodialisis atau CAPD

## 20.4 AKTIVITI YANG DIJALANKAN


- i. Bengkel ‘continuous renal replacement therapy’ (CRRT) pada 25-26 Mac 2017 di Dewan Mutiara, Hospital Seberang Jaya.
- ii. Renal pharmacy updated, anjuran bersama PGMES pada 22-23 Oktober 2016 di Ixora Hotel, Prai.

## 20.5 PENCAPAIAN


Graf A : Jumlah Rawatan Haemodialisis Bagi Tahun 2014 Hingga 2016



**Graf B : Jumlah Rawatan CRRT, TPE dan Haemoperfusi Tahun 2014 Hingga 2016**



**Graf C : Bilangan prosedur 'catheter' tahun 2014 hingga 2016**



## 20.6 RUMUSAN

Unit Haemodialisis, Hospital Seberang Jaya berpotensi untuk berkembang pesat memandangkan peningkatan pesakit akut dan ditambah pula dengan lokasinya yang strategik di daerah Seberang Perai Tengah. Justeru itu, kerjasama sebagai satu pasukan amat diharapkan agar ianya menjadi pemangkin dan pembakar semangat untuk unit ini terus maju pada masa yang akan datang.

## 21.0 PENGENALAN

# LAPORAN UNIT BEKALAN STERIL

Unit Perkhidmatan Bahan Steril (CSSU) Hospital Seberang Jaya merupakan satu unit sokongan dan mula ditubuhkan pada tahun 1995. Bertanggungjawab memberikan perkhidmatan pensterilan kepada semua wad dan unit-unit yang terdapat di Hospital Seberang Jaya termasuk Dewan Bedah dan juga klinik-klinik kesihatan di kawasan Seberang Perai Tengah. CSSU memainkan peranan penting dan dianggap sebagai “jantung” kepada perkhidmatan hospital. Fungsi utama unit Perkhidmatan Bahan Steril (CSSU) untuk menyediakan perkhidmatan pensterilan peralatan dan *soft good* yang berkualiti serta mengurusnya dengan efisien dan cekap kepada pelanggan.

Fungsi utama bagi mengoptimalkan perkhidmatan adalah :-

1. Memungut peralatan
  2. Mengasing dan membasuh peralatan
  3. Mengering dan memeriksa peralatan
  4. Menyedia dan membungkus set/peralatan
  5. Otokleb set/peralatan
  6. Mengagih, memulang dan menyimpan set/peralatan steril
  7. Membekalkan bahan-bahan steril seperti linen dan soft dressing
- } memproses peralatan yang kotor  
di zon pembersihan  
dekontaminasi
- } Di zon B
- } zon B (steril )

## 21.1 OBJEKTIF

- Mengawal, memproses dan membekal set-set/peralatan steril ke semua wad dan unit di Hospital seberang Jaya termasuk klinik-klinik kesihatan di kawasan Seberang Perai Tengah.
- Memastikan proses pensterilan mengikut prinsip-prinsip dan piawaian yang ditetapkan bagi mengawal infeksi dan jangkitan silang.
- Menambahkan kecekapan dan kesedaran keselamatan dalam penggunaan bahan steril untuk semua wad dan unit.
- Mengawasi bahan-bahan dan peralatan steril serta memastikan keperluan sentiasa mencukupi dan tiada berlaku sebarang penolakan terhadap barang –barang yang dibekalkan.
- Memastikan perkhidmatan CSSU mencapai *Key Performance Indicator* (KPI ) yang ditetapkan.

## 21.2 PERJAWATAN

Jadual 1: Perjawatan Di Unit Bekalan Steril Bagi Tahun 2016

KATEGORI	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN
Ketua jururawat U32	2	1	1
Jururawat U32 (KUP)	15	3	10
Jururawat U29		2	
Penolong Jururawat U14	1	1	1
Pembantu Perawatan Kesihatan U3	15	9	6
Pembantu Awam H14	1	0	0
Pembantu Awam H11	4	4	0
Jumlah	38	20	18

## 21.3 PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN

Waktu operasi CSSU di Hospital Seberang Jaya terbahagi kepada dua bahagian.

WAKTU OPERASI UNTUK BAHAGIAN GENERAL (WAD/UNIT)	HARI
8.00am - 5.00pm	Setiap hari bekerja

Dewan bedah pula beroperasi seperti berikut :-

WAKTU OPERASI UNTUK DEWAN BEDAH	HARI
7.00am - 2.00 pm	Setiap hari bekerja
2.00pm - 9.00 pm	

Sabtu, Ahad dan cuti umum kakitangan hanya akan bertugas di atas panggilan (on call) sahaja.

## 21.4 AKTIVITI YANG DIJALANKAN

- CNE diadakan setiap hari Rabu pukul 2.30 hingga 3.30 petang.
- Bacaan Yaasin setiap 3 bulan. ( Jumaat 3.00 hingga 4.00 petang).
- Meraikan sambutan harijadi warga kerja setiap 4 bulan.

## 21.5 PENCAPAIAN

### i. Statistik (Workload) Cssu Bagi Tahun 2016

Statistik bagi tahun 2016 menunjukkan sedikit peningkatan jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya, berikutan bertambahnya permintaan terhadap barangan steril dan penambahan kes-kes pembedahan yang dijalankan di dewan bedah. Keadaan ini juga berikutan penambahan bilik bedah (1 hingga 5) di hospital selepas dinaik taraf. Perbezaan bagi 3 tahun berturut-turut dapat dilihat melalui peratusan yang ditunjukkan:



### ii. Kajian Kepuasan Pelanggan

Pada tahun 2016 peratusan bagi komen yang negatif dari pihak pelanggan tidak menunjukkan sebarang peningkatan dan pihak CSSU akan sentiasa berusaha sehingga ke tahap yang maksima untuk memperbaiki mutu perkhidmatan bagi mencapai peratusan sifar (komen negatif) dan dapat menilainya melalui kajian yang akan dijalankan pada tahun-tahun berikutnya.

## 21.6 RUMUSAN

Unit Perkhidmatan Bahan Steril adalah unit yang mengendalikan proses pensterilan telah berjaya mencapai objektif perkhidmatan yang telah ditetapkan keperingkat yang lebih optimim. Unit ini uga akan sentiasa memenuhi kehendak pelanggan, menerapkan nilai-nilai murni, mengamalkan budaya kerja berpasukan semasa menjalankan tugas dengan profesionalisma yang tinggi selaras dengan budaya kerja Kementerian Kesihatan Malaysia. Pihak CSSU berharap agar bajet unit ini dapat penambahan lagi bagi membolehkan operasi / perkhidmatan dijalankan dengan lebih baik dan selaras dengan teknik era terkini.

## LAPORAN UNIT PENYELIA HOSPITAL

### 22.0 PENGENALAN

Penyelia Hospital lazimnya berperanan membantu Pengarah Hospital dalam operasi pentadbiran dan pengurusan harian. Mulai November 2014, Unit Penyeliaan Hospital telah diterajui oleh Ketua Penolong Pegawai Perubatan U42 (KPPP). Tugas utama beliau adalah melaksanakan penyeliaan klinikal Penolong Pegawai Perubatan (PPP) dan pemantauan terhadap prestasi keseluruhan Pembantu Perawatan Kesihatan (PPK).

### 22.1 OBJEKTIF PROGRAM

Antara objektif utama KPPP adalah:

- i. Melaksanakan penyeliaan klinikal terhadap PPP dan pemantauan prestasi PPK.
- ii. Menganjur kursus dan latihan Continuous Medical Education (CME) demi meningkatkan pengetahuan serta kemahiran anggota dibawah seliaan.
- iii. Melaksanakan penilaian prestasi tahunan (LNPT) sebagai Pegawai Penilai Pertama dan Kedua.
- iv. Menguruskan proses tindakan tatatertib awal bagi pegawai-pegawai bermasalah.
- v. Membantu dalam menangani aduan dalaman dan luaran mengenai PPP dan PPK.

### 22.2 PERJAWATAN ORGANISASI PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN

#### i. Penolong Pegawai Perubatan

JAWATAN	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN
Penolong Pegawai Perubatan U42	1	1	0
Penolong Pegawai Perubatan U41	1	1	0
Penolong Pegawai Perubatan U36	3	3	0
Penolong Pegawai Perubatan U32	22	22	0
Penolong Pegawai Perubatan U29	64	64	0
JUMLAH	91	91	0

## ii. Pembantu Perawatan Kesihatan

JAWATAN	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN	LELAKI	PEREMPUAN
Pembantu Perawatan Kesihatan U14	4	4	0	2	2
Pembantu Perawatan Kesihatan U11/14	190	168	22	104	103
Pembantu Perawatan Kesihatan U 11/12	49	39	10		
Jumlah	243	211	32	106	105

## 22.3 PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

Antara perkhidmatan Unit Penyeliaan PPP adalah:

BIL	PERKARA
i.	Penyeliaan PPP
ii.	Penyeliaan PPK
iii.	Penyediaan Statistik PPP & PPK berjadual
iv.	Penyelarasan Pakaian Seragam PPP & PPK
v.	Penyelarasan Perakuan Pembaharuan Tahunan PPP
vi.	Penempatan PPP & PPK

## 22.4 AKTIVITI YANG DIJALANKAN


BIL	AKTIVITI	SASARAN	TEMPAT	CATITAN
i.	Kursus Basic Life Support	10 kali	Dewan Mutiara	
ii.	Latihan CME Penyelia	44 kali	Bilik Tanjong	Setiap hari Khamis
iii.	Mesyuarat Teknikal PPP	3 kali	Dewan Mutiara	
iv.	Mesyuarat Teknikal PPP	3 kali	Dewan Mutiara	
v.	Kursus Pemantapan PPK	3 kali	Dewan Mutiara	

## 22.5 PENCAPAIAN

BIL	AKTIVITI	KEKERAPAN/INDIKATOR	SASARAN %	PECAPAIAN %	CATITAN
1.	Kursus BLS	10 kali	90%	100%	
2.	BLS	HPIA	> 70% Staff in acute care areas	100%	Acute care areas-ICU/CCU ,O/T, LR, EMTS & HDU
3.	CME Penyelia	Setiap khamis – 44	90%	81.8% (36/44)	Bilik Tanjong di ubahsuai pada Sept. 16
4.	Mesyuarat PPP	3 kali	100 %	100 %	


5.	Mesyuarat PPK	3 kali	100 %	100 %	
6.	Kursus Pemantapan PPK	3 kali	100 %	100 %	
7.	<i>Hospital Bebas Denggi</i>	Setiap minggu - 5 zon kawasan hospital (mulai Mac 16)	100 %	100%	
8.	<i>Pemantauan Kebersihan Kuarters</i>	Kuarters Jln Loader, Jln Kg Gajah & Jln Thamby Kecil – sebulan 2 kali (24)	90%	66% (16 kali)	Ketiadaan IK (MC) pada bulan Nov - Dis16
9.	<i>Latihan Keselamatan Kebakaran</i>	2 kursus & 1 Latihan	100 %	100%	
10.	Mesyuarat Resusitasi	3 kali setahun	100 %	50%	Ketiadaan Pengarah Hospital (Jun- Dis 16)
11.	Penyelarasan sijil APC	91 PPP	100 %	100 %	
12.	Penyelarasan Pakaian Seragam PPP & PPK	73 PPP & 211 PPK	100 %	100 %	

### Statistik Latihan BLS



BIL	KATEGORI PESERTA	JUMLAH ANGGOTA YANG DILATIH
1	Pegawai Perubatan	17
2	Pegawai Perubatan Siswazah	48
3	Penolong Pegawai Perubatan	4
4	Jururawat Terlatih	136
5	Jururawat Masyarakat	12
6	Lain-lain kategori termasuk agensi luar	125
	Jumlah	342





### Penjelasan kepada aktiviti di atas :-

Kursus BLS telah dijalankan sebanyak 10 kepada semua anggota hospital. Keutamaan diberikan kepada anggota daripada critical care areas iaitu Unit Rawatan Rapi, Dewan Bedah, Dewan Bersalin, Unit Hemodialisi dan Jabatan Kecemasan supaya mencapai 100%. Di atas permohonan oleh agensi luar, Kursus BLS telah dijalankan di Institut Tadbir Awam Wilayah Utara Sg Petani dan Jabatan Bomba & Penyelamat Negeri P.Pinang dengan persetujuan peserta kita turut diberi latihan di fasiliti mereka.

CME hanya tercapai 81.8% kerana Bilik Tanjong telah ditutup supaya pengubahsuaian dilakukan. Jadual pemantauan kebersihan dan pemanataun aedes tergendala oleh sebab tiada penggantian Penolong Pegawai Persekitaran Kesihatan (PPKP) pada bulan November 2016 dan juga PPKP baru berada dalam cuti sakit.

## 22.6 RUMUSAN

Unit Penyeliaan Hospital sentiasa bersedia untuk membantu Pengarah Hospital dan Pegawai Kanannya bagi melaksanakan semua tugas yang diamanatkan. Demi menjaga profession dan mutu kerja yang berkualiti, Ketua PPP dan Penyelia Hospital akan berusaha melakukan penyeliaan dan pemantauan klinikal terhadap semua PPP dan PPK. Adalah menjadi tanggungjawab Unit Penyeliaan Hospital untuk memberi perkhidmatan demi peningkatan kerjaya, membantu dalam hal-hal pengurusan personel serta memberi kaunseling, bimbingan dan tunjuk ajar kepada semua PPP dan PPK Hospital Seberang Jaya.

## LAPORAN UNIT PENYELIA KEJURURAWATAN

### 23.0 PENGENALAN

Unit kejururawatan bertanggungjawab mentadbir dan mengurus anggota kejururawatan berkaitan perkhidmatan kejururawatan, latihan dan kebajikan semua kategori anggota kejururawatan dan Pembantu Perawatan Kesihatan (perempuan). Unit ini juga bertindak sebagai penyelarar, memberi tunjuk ajar, memantau jururawat dan Penolong Pegawai Perubatan peringkat Diploma, Pos Basik dan Ijazah, yang menjalani latihan amali dari IPTA dan IPTS. Unit ini juga bertindak sebagai Penyelarar Hospital dalam pengurusan Peperiksaan Awam Negeri Pulau Pinang dan juga sebagai Penyelarar Perkhidmatan Dormisiliari peringkat Hospital

### 23.1 OBJEKTIF UNIT

- Memberi penekanan keatas promosi, preventif, kuratif dan pemulihan dari aspek kesihatan:
- Memastikan penjagaan perawatan kepada pelanggan di jalankan mengikut standard yang telah di tetapkan oleh Lembaga Jururawat Malaysia.
- Mempertingkatkan amalan kejururawatan dengan menyediakan pendidikan / pembelajaran yang berterusan.
- Mengenalpasti dan menggalakkan penglibatan jururawat dalam aktiviti kualiti .
- Menggalakkan pelaksanaan kajian kejururawatan.

### 23.2 PERJAWATAN

Jadual 1 : Perjawatan Jururawat Bagi Tahun 2016

	JAWATAN	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN
1	Jururawat Gred U44	0	0	0
2	Jururawat Gred U42	5	5	0
3	Jururawat Gred U41	2	2	0
4	Jururawat Gred U36	11	9	2
5	Jururawat U32	49	48	1
6	Jururawat U32 (KUP)	639	90	13
7	Jururawat U29 (Perempuan)		508	
8	Jururawat U29 (Lelaki)		28	
9	Jururawat Masyarakat U26	1	1	0
10	Jururawat Masyarakat U24	4	4	0
11	Jururawat Masyarakat U24 KUP	82	1	2
12	Jururawat Masyarakat U19		79	

13	Jawatan Sementara Akibat Perubahan Sistem (JSPS)	3	3	0
<b>JUMLAH</b>		<b>796</b>	<b>778</b>	<b>18</b>

### 23.3 PERKHIDMATAN YANG DI TAWARKAN

Peranan utama unit ini adalah untuk memastikan jagaan perawatan di beri mengikut Garispanduan Amalan Kejururawatan yang telah di tetapkan.

- i. Membantu pesakit dalam proses penyembuhan penyakit.
- ii. Memberi orientasi kepada jururawat yang baru lapor diri dari KKM, IPTA & IPTS
- iii. Latihan - Kursus dalam perkhidmatan seperti Bengkel / *Osce station* di adakan.
  - *Continuos Nursing Education* (CNE) di jalankan seminggu sekali.
  - Bengkel Nursing Care Plan 2 kali sebulan.
- iv. Pementoran untuk semua jururawat lantikan baru
- v. *Local Preceptor* di adakan semasa penempatan klinikal untuk pelatih.
- vi. Menyelaras Peperiksaan Awam Kementerian Pendidikan di Hospital.
- vii. Ketua Jururawat menjalankan tugas *on call* 24 jam.
- viii. Penyelaras Perkhidmatan Dormisiliari. Hospital.

### 23.4 AKTIVITI YANG DI JALANKAN

#### i. Latihan Dalam Perkhidmatan

Menganjurkan kursus / bengkel mengikut takwim tahunan. Objektif latihan ini adalah untuk memantapkan pengetahuan dan *skill* jururawat dalam aspek klinikal. Sebanyak 13 Kursus dalaman dan 50 kali CNE telah di jalankan sepanjang tahun 2016, kehadiran jururawat adalah memuaskan. Perbincangan Nursing Care Plan bersama Jururawat dan Penyelia Jururawat di adakan 2 kali sebulan mengikut jadual yang di tetapkan. Penyertaan Jururawat diwajibkan dari setiap disiplin .

Jadual 2 : Kursus Bagi Tahun 2016

BIL	TARIKH	KURSUS	TEMPAT	PESERTA
1	27/1/16 & 15/9/17	Kursus Hands' On	Dewan Mutiara	40,40
2	18/2/16, 6/9/17 & 29/11/17	Kursus Nursing Update bil 1, 2, 3 /2016	Dewan Mutiara	51,41,38
3	24/2/16, 22/9/16	Kursus Program Pementoran	Dewan Mutiara	37,42
4	9/3/16, 11/4/16	Kursus National Nursing Audit	Dewan Mutiara	35,40
5	22/3 -23/3/16 , 27/9-28/9/16	Kursus Orientasi Jururawat siri 1/2016	Bilik Tanjung	44,24
6	31/3/2016	Kursus Dokumentasi & Nursing Care Plan	Dewan Mutiara	42
7	1/11/2016	Kursus Medication Safety	Dewan Mutiara	40
<b>JUMLAH PESERTA KEHADIRAN KURSUS</b>				<b>514</b>

Jadual 3: CNE Yang Telah Di Jalankan

BIL	TARIKH	TAJUK	TEMPAT	PESERTA
1	5/1/16	Glasgow Coma Scale For Trauma Patient	Bilik Tanjung	56
2	12/1/16	Patient Safety Goal: Medication Safety	Bilik Tanjung	33
3	19/1/16	Pengendalian Set Sterile	Bilik Tanjung	49
4	26/1/16	Care of Patient Under Regional Anaesthesia	Bilik Tanjung	56
5	5/1/16	Glasgow Coma Scale For Trauma Patient	Bilik Tanjung	56
6	2/2/16	Pengenalan Kepada 'Supplement' Pemakanan Oral	Bilik Tanjung	44
7	16/2/16	Manual Resuscitation Bag	Bilik Tanjung	17
8	23/2/17	PIH(Pregnancy Induced Hypertension) & Penjagaan Bayi dengan c-Pap mesin	Bilik Tanjung	70
9	1/3/16	Proses Pengendalian Pengaduan (Help Desk) dan sistem Pemasangan Elektrik	Bilik Tanjung	55
10	8/3/16	Heart Disease in Pregnancy	Bilik Tanjung	60
11	15/3/16	Polyhydramnios	Bilik Tanjung	53
12	22/3/16	Taklimat Akrab dan Penjagaan Pre & Post Mastectomy	Bilik Tanjung	58
13	29/3/16	How to Handle Floor Stock	Bilik Tanjung	48
14	5/4/16	Incontinence and Kiegel Exercise	Bilik Tanjung	39
15	12/4/16	Penjagaan Pesakit dengan Spinal Cord Injury	Bilik Tanjung	41
16	19/4/16	Penjagaan Pesakit dengan Blood Transfusion	Bilik Tanjung	31
17	26/4/16	Care of Patient With Diabetes Mellitus	Bilik Tanjung	32
18	3/5/16	Pengendalian Unit Farmasi Logistik	Bilik Tanjung	54
19	10/5/16	Penjagaan POP	Bilik Tanjung	18
20	17/5/16	Penjagaan Pesakit Haemophilia	Bilik Tanjung	21
21	24/5/16	Penjagaan Neonatal Jaundice	Bilik Tanjung	31
22	31/5/16	Pengurusan Pesakit Denggi	Bilik Tanjung	13
23	7/6/16	Bab Cuti	Bilik Tanjung	38
24	14/6/16	Komunikasi Berkesan	Bilik Tanjung	93
25	21/6/16	Ectopic Pregnancy	Bilik Tanjung	26
26	18/6/16	Wound Dressing & Preparation of Patients For Operation by using SSSL Form	Bilik Tanjung	21
27	12/7/16	Pengendalian OSCC	Bilik Tanjung	21
28	19/7/16	Pengenalan Kepada CSSU & Prinsip-prinsip Pensterilan	Bilik Tanjung	19
29	26/7/16	1. Myocardio Infarction 2. Pengurusan Stress	Bilik Tanjung	37
30	2/8/16	Hospital Rakan Bayi	Bilik Tanjung	37
31	9/8/16	Pemakanan Sihat Elak Obesiti	Bilik Tanjung	30

32	16/8/16	Penjagaan Bayi Prematung	Bilik Tanjung	34
33	23/8/16	Kecederaan Bayi Semasa Kelahiran	Bilik Tanjung	21
34	30/8/16	PHIS – Floor Stock Indenting	Bilik Tanjung	28
35	6/9/16	Multiple Intelligence	Bilik Tanjung	34
36	7/9/16	Ante Partum Haemorrhage	Bilik Tanjung	26
37	20/9/16	Gestational Diabetes Mellitus	Bilik Tanjung	29
38	4/10/16	1. Immobilization 2. Oxygen Therapy	Bilik Tanjung	40
39	11/10/16	Lifting and Transfer technique	Bilik Tanjung	17
40	18/10/16	Tanggungjawab Jururawat Semasa Pemberian Ubat	Bilik Tanjung	22
41	25/10/16	Care of Geriatric Patient	Bilik Tanjung	37
42	1/11/16	Good Dispensing Practice	Bilik Tanjung	23
43	8/11/16	Splinting	Bilik Tanjung	19
44	15/11/16	1. Backache 2. Hospital Cluster	Bilik Tanjung	50
45	22/11/16	Asthma di kalangan Kanak-Kanak	Bilik Tanjung	46
46	29/11/16	Mother Friendly Care	Bilik Tanjung	44
47	6/12/16	Tonsillitis & Penjagaan Kanak-kanak Tonsillectomy	Bilik Tanjung	22
48	13/12/16	Personaliti	Bilik Tanjung	21
49	20/12/16	Komunikasi Berkesan	Bilik Tanjung	82
50	27/12/16	Secondhand Smoke The Silent Killer	Bilik Tanjung	17
JUMLAH KEHADIRAN PESERTA CNE				1869

## ii. Latihan Sangkut Program Pelaksanaan Perkhidmatan Perawatan Dormisiliari untuk Paramedik.

Perkhidmatan Perawatan Dormisiliari adalah satu program penjagaan pesakit terlantar dan yang tidak berupaya menjalankan aktiviti harian (ADL). Seramai 5 orang iaitu 3 orang Jururawat dan 2 orang Penolong Pegawai Perubatan dari Klinik Kesihatan SPU, SPT dan SPS telah di beri latihan sangkut pada bulan April 2016. Unit yang terlibat adalah wad medikal, wad surgical dan Klinik ENT. Sebanyak 20 orang pesakit terlantar telah di rujuk ke Perkhidmatan Perawatan Dormisiliari Daerah Seberang Perai.

## iii. Sambutan Hari Jururawat Sedunia

Hari Jururawat sedunia di sambut pada 12 Mei setiap tahun. Sambutan dan pelancaran Hari Jururawat peringkat KKM di adakan di Putrajaya International Convention Centre (PICC) dengan meriahnya di rasmikan oleh Menteri Kesihatan Malaysia. Pelancaran Hari Jururawat Sedunia Peringkat Hospital di adakan pada 19/5/2016 di sempurnakan oleh Pengarah Hospital Seberang Jaya. Di antara aktiviti yang telah di jalankan ialah Senamrobik di perkarangan hospital dan Pameran Cara Hidup Sihat di Foyer hospital.

**vi. Lain – lain Aktiviti**

- i. Majlis persaraan Penyelia Jururawat di adakan pada bulan Ogos tahun ini.
- ii. Sambutan harijadi Ketua Jururawat dan Penyelia Jururawat di adakan 2 kali setahun

**v. Audit**

National Nursing Audit (NNA) di adakan 2 kali setahun.. Elemen yang di audit adalah

- i. *Administration of Oral Medication*
- ii. *Blood & Blood Component Transfusion*
- iii. *Intravenous Infusion*
- iv. *Pain As 5<sup>th</sup> vital sign*
- v. *Wound Dressing*
- vi. *Administration of Intravenous Injection*

**23.5 PENCAPAIAN**

**i. Aktiviti Kualiti**

- Audit Klinikal

Tajuk : Audit on Nurses Adherence Towards National Nursing Standard For Blood Transfusion.

Johan Peringkat Negeri. ( Kumpulan Sokongan Klinikal)



- Inovasi


Tajuk : *TKR Support During Operation* } Mewakili Hospital ke  
Tajuk : *Comfort Nest for Incubator Nursing* } peringkat Negeri

- QA

Tajuk : *To expedite time from discaj decision to exit from ward.(Fasa I)*


## ii. KPI Kejururawatan

Graf A : Pencapaian kadar Thrombophlebitis




Kejadian *thrombophlebitis* di kalangan pesakit adalah dalam trend menurun bila di bandingkan dari tahun 2014 sehingga 2016 . Kita telah mencapai standard yang di tetapkan oleh Lembaga Jururawat Malaysia.

Graf B : Pencapaian kadar Pressure Ulcer




Kadar kejadian *pressure ulcer* di kalangan pesakit juga dalam trend menurun bila di bandingkan dari tahun 2014 sehingga 2016 . Tetapi telah mencapai standard yang telah di tetapkan.

Graf C : Kadar kejatuhan pesakit di wad



Kadar kejadian pesakit jatuh di wad telah adalah dalam trend menurun dibandingkan sejak 3 tahun yang lalu. Ia juga telah mencapai standard yang telah di tetapkan, hasil daripada langkah-langkah preventif yang di lakukan oleh jururawat

Graf D: Pencapaian *National Operating Room Nursing Audit ( NORNA)*




The National Operating Room Nursing Audit (NORNA) di jalankan dalam bulan Mei setiap tahun di mana 5 elemen di auditkan.

- i) *Receiving patient at reception area.*
- ii) *Receiving and Handling Blood / blood products and storage*
- iii) *Scrubbing, Gowning and Gloving*
- iv) *Sponges, Sharps and Instrument count*
- v) *Care of patient at Recovery Bay*

Keputusan audit pada tahun ini menunjukkan pencapaian telah menurun sedikit kerana penambahan warga kerja lantikan baru di dewan bedah.




Graf E: Pencapaian National Nursing Audit ( NNA) 2016




National Nursing Audit (NNA) di lakukan dua kali setahun. 2 elemen di audit pada fasa pertama dan elemen ke tiga dan keempat di audit pada fasa kedua. Keputusan audit menunjukkan pencapaian yang baik berbanding tahun 2015 dan keseluruhan elemen telah mencapai standard yang telah di tetapkan.

Graf F: Jumlah Kehadiran Jururawat *Continuos Nursing Education* (CNE)



Sesi CNE setiap hari Selasa di jalankan oleh Jururawat mengikut jadual yang di tetapkan. Kehadiran Jururawat pada tahun ini menurun di sebabkan oleh pembatalan CNE. Ini di sebabkan oleh ketiadaan bilik atau dewan kerana memberi laluan untuk aktiviti lain

Graf G Jururawat Menti yang lulus peperiksaan selepas 6 bulan perkhidmatan



Jururawat lantikan baru dan yang pindah masuk dari Jabatan Kesihatan Awam perlu menjalani program Mentor-Mentee. Program ini merangkumi ujian bertulis dan Ujian lisan di mana fasa 1 di adakan pada masa lapor diri di Jabatan dan ujian fasa kedua di adakan selepas 6 bulan di bimbing dan di ajar oleh Mentornya. Terdapat peningkatan pencapaian peratus yang lulus selepas 6 bulan penempatan.

Seramai 18 orang Jururawat telah menjalani Kursus Ijazah Kejururawatan. Jururawat yang mengikuti kursus pos basik juga telah meningkat pada tahun ini.

- Latihan Pembelajaran Berterusan

Jadual 4: Kedudukan Jururawat Dengan Kursus Pos Basik Pada Tahun 2016

BIL	KURSUS POS BASIK	BIL JURURAWAT		
		2014	2015	2016
1	Diploma Lanjutan Kebidanan	83	83	89
2	Paediatrik	23	22	26
3	Neonate	11	14	13
4	ICU	25	22	26
5	CCU	6	11	13
6	Peri- operative	23	23	24
7	Renal	10	20	12
8	Orthopaedik	6	13	14
9	Endoscopy	3	4	4
10	Otorinolaringologi	2	2	2
11	Pengurusan Diabetes	3	3	6
12	Rehabilitasi	2	3	3
13	Infection Control	1	1	3
14	Onkologi	3	4	5
15	Perianestesia	4	4	5
16	EMTS	1	3	5
17	HIV kaunselling	-	2	2
18.	Pengurusan Personel Kesihatan	3	4	3
19	Perawatan Palliative	-	-	1

## 23.6 RUMUSAN

Unit kejururawatan akan terus berusaha untuk memberi perkhidmatan yang ideal kepada pelanggan. Jururawat di galakkan untuk pembelajaran berterusan melalui latihan, bengkel, kursus, audit dan aktiviti kualiti, supaya dapat memberi penjagaan *holistic* kepada semua kategori pelanggan.

## 24.0 PENGENALAN

Unit Sekretariat Kualiti mula ditubuhkan pada tahun 1996 untuk menyelaraskan pelaksanaan aktiviti-aktiviti kualiti di Hospital Seberang Jaya. Unit ini diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah (Kualiti), dan dibantu oleh Pegawai Perubatan UD48, Ketua Jururawat U32, Jururawat Terlatih U29 dan Pembantu Tadbir N17. Pengurus dan anggota-anggota sekretariat Unit Kualiti bertanggungjawab merancang, mengurus, menilai dan melaksanakan aktiviti-aktiviti kualiti di Hospital Seberang Jaya. Data-data berkaitan diteliti dan maklumbalas diberikan ke Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang dan Kementerian Kesihatan Malaysia. Di peringkat hospital, satu jawatankuasa pemandu kualiti dibentuk terdiri dari penyelarasan-penyelarasan untuk memudahkan tugas-tugas pelaksanaan program peningkatan kualiti di peringkat hospital.

### 24.1 OBJEKTIF

- Meningkatkan kualiti perkhidmatan penjagaan pesakit terutama sekali keselamatan pesakit
- Meningkatkan aktiviti kualiti di Hospital Seberang Jaya dan meneliti kelebihan dan kekurangan aktiviti
- Mengenalpasti dan mewujudkan langkah-langkah penambahbaikan aktiviti kualiti dan juga program jaminan kualiti (Quality Assurance) di peringkat hospital.

### 24.2 PERJAWATAN

Jadual 1 : Perjawatan di Unit Kualiti

JAWATAN	PERJAWATAN	PENGISIAN	KOSONG
Ketua Penolong Pengarah (Kualiti) UD54	1	1	0
Ketua Jururawat U32	1	1	0
Jururawat U29	1	0	1
Pembantu Tadbir (P/O)	1	1	0
<b>Jumlah</b>	<b>5</b>	<b>4</b>	<b>1</b>

### **24.3 PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN**

Fungsi Unit Kualiti adalah menyelaras 23 aktiviti peningkatan kualiti : -

- Akreditasi
- Clinical Audit
- Quality Assurance / Hospital Specific Approach
- Inovasi
- Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK)
- Hospital Sejahtera
- Induk Kualiti
- Credentialing & Privileging
- Clinical Practice Guidelines
- Budaya Korporat
- Performance Indicator (KPI & HPIA)
- Kajian Kepuasan Pelanggan
- Incident Reporting
- Malaysian Patient Safety Goal
- Kajian Semula Piagam Pelanggan
- Hospital Mortality & Morbidity Review
- Perinatal Mortality Review
- Maternal Mortality Review
- Peri-Operative Mortality Review
- Aduan
- Hospital CME
- Wad Mesra
- Laporan Tahunan
- Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)

### **24.4 AKTIVITI YANG DIJALANKAN**

Sila rujuk kepada Statistik Hospital pada muka surat 195.

### **24.5 PENCAPAIAN**

Sila rujuk kepada Pencapaian Hospital pada muka surat 204.

### **24.6 RUMUSAN**

Secara kesimpulan, aktiviti-aktiviti yang dijalankan kebanyakan telah tercapai sepenuhnya. Bagi aktiviti-aktiviti yang tidak mencapai sasaran, penambahbaikan akan terus dilakukan untuk memastikan segala kesilapan dapat diperbetulkan pada masa akan datang.

## 25.0 PENGENALAN

# LAPORAN UNIT KAWALAN JANGKITAN

Unit Kawalan Jangkitan di tempatkan bersamaan di Bilik Unit Kualiti. Unit ini terdiri dari Penyelaras Unit (Pakar Paediatrik), Penyelia Jururawat (1), Ketua Jururawat U32 (1) dan Jururawat U29 (3). Aktiviti-aktiviti kawalan jangkitan dibantu oleh Pegawai Perubatan (1) dari setiap jabatan dan *Infection Control Link Personnel (ICLP)* dari wad/unit yang dilantik sebagai Penyelaras aktiviti-aktiviti kawalan jangkitan. Pegawai yang dilantik membantu memantau kepatuhan *Policy and Procedures on Infection Control* dan *Standard Precautions* oleh staf kesihatan, pelatih dan staf sokongan swasta di hospital. Pegawai Perubatan juga bertanggungjawab untuk menotifikasi kes-kes *Healthcare Associated Infection (HCAI)*. *ICLP* membantu dalam menjalankan aktiviti audit dan surveilans peringkat hospital dan KKM. Pemantauan kawalan jangkitan yang efektif dan bersistematik amat penting untuk mencegah dan mengawal jangkitan di hospital yang menyumbang kepada morbiditi dan mortaliti pesakit.

## 25.1 OBJEKTIF

- Mengenalpasti dan mengurang risiko jangkitan *Healthcare Associated Infection (HCAI)* di kalangan pesakit, anggota kesihatan dan staf sokongan swasta.
- Mencegah kecederaan alatan perubatan tajam (*sharps injury*) dikalangan anggota kesihatan, pelatih dan staf swasta.
- Memantau *Policies and Procedures on Infection Control* dan Polisi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dipatuhi oleh anggota kesihatan, pelatih dan staf swasta.
- Memberi latihan dan informasi kawalan jangkitan kepada anggota kesihatan, pelatih dan staf swasta.

## 25.2 PENJAWATAN

Jadual 1 : Perjawatan di Unit Kawalan Jangkitan

Jawatan	Perjawatan	Pengisian	Kekosongan
Pakar Paediatrik (Penyelaras)	1	1	0
Penyelia Jururawat U36	1	1	0
Ketua Jururawat U32	1	1	0
Jururawat U29	3	3	0
<b>Jumlah</b>	<b>6</b>	<b>6</b>	<b>0</b>

### 25.3 PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN


- i. Memberi nasihat berkaitan:-
  - a. mencegah dan mengawal jangkitan penyakit
  - b. mencegah kecederaan tertusuk jarum dan peralatan perubatan tajam
- ii. Mengambil sampel-sampel untuk ujian steriliti, kultur dan *in-use-test* secara berkala, *ad-hoc* atau bila ada wabak jangkitan
  - a. Mengambil sampel-sampel udara di *Therapeutic Parenteral Nutrition (TPN)*, Dewan Bedah , CSSU dan bilik *Negative Pressure*.

Sampel udara diambil mengguna alatan *Microbiological air sampler*.
  - b. Sampel *swab environment*, peralatan dan *in-use-test* untuk disinfektan dan antiseptik jika ada wabak.
- iii. Memberi latihan, orientasi dan ceramah kawalan jangkitan dan mencegah kecederaan tertusuk peralatan perubatan tajam kepada anggota di fasiliti hospital.

### 25.4 AKTIVITI YANG DIJALANKAN

#### i. Point Prevalence Survey (PPS)

Graf A : Peratus Point Prevalence Healthcare Associated Infection



Jadual 2: Jumlah jenis *Healthcare Associated Infections (HCAI)*

JENIS / BULAN	2014		2015		2016	
	MAC	SEPT	MAC	SEPT	APR	OKT
UTI	0	0	1	1	1	0
Bacteremia	1	1	0	1	1	3
Pneumonia	1	1	1	2	1	3
Clinical sepsis	1	0	0	2	0	0
Surgical site	0	1	1	0	4	0
Others	0	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>3</b>	<b>3</b>	<b>3</b>	<b>6</b>	<b>7</b>	<b>6</b>


ii. **Multidrug Resistant Organisms (Mro)**

Jadual 3 : *Multidrug Resistant Organisms Surveillance*


	2014	2015	2016
MRSA	21	23	30
Kleb.pneumonia	22	25	28
E.Coli	22	20	14
Acineto. baumannii	17	17	17
CRE	1	3	1
<b>Jumlah</b>	<b>83</b>	<b>72</b>	<b>90</b>

iii. **Audit Hand Hygiene**

Graf B: Pematuhan Hand Hygiene




Graf C: Pematuhan Mengikut Jabatan Tahun 2016





**Graf D: Pematuhan Mengikut Kategori Jawatan Tahun 2016**



**iv. Insiden Kecederaan Tertusuk Jarum & Bahan Tajam**

**Jadual 4 : Sharps Injury Mengikut Kategori Jawatan Tahun 2014-2016**

	2014	2015	2016	JUMLAH
MO	2	2	2	6
Dental Officer	2	0	2	4
HO	5	6	9	20
JT	4	5	4	13
JM	0	0	0	0
Student Nurse	0	0	0	0
PPP	3	1	1	5
PPK	1	0	0	1
Peg. Farmasi	0	1	0	1
HSS	7	4	2	13
<b>JUMLAH</b>	<b>24</b>	<b>19</b>	<b>20</b>	<b>63</b>

**Jadual 5 : Jenis Insiden Sharps Injury**

	2014	2015	2016	JUMLAH
Recap Needle	2	0	0	2
Blood Taking	2	4	3	9
Branula Setting	1	2	2	5
During Nursing/Surgical Procedures	6	3	6	15
Prick by other HCW	1	1	2	4
Clearing/Disposing	8	2	4	14
Misplaced Needle	1	4	2	7
Other Sharps	3	3	1	7
<b>JUMLAH</b>	<b>24</b>	<b>19</b>	<b>20</b>	<b>63</b>

Jadual 6 : Jenis Sharps Injury

	2014	2015	2016	JUMLAH
Hypodermic Needle	9	8	7	24
Branula Stylet	6	5	5	16
Subcute Needle	1	2	3	6
Suture Needle	4	0	3	7
Verres Needle	1	0	0	1
<b>Jumlah</b>	<b>21</b>	<b>15</b>	<b>18</b>	<b>54</b>

iv. Latihan Kawalan Jangkitan

Mesyuarat Bersama ICLP (Infection Control Link Personnel) 2016

BIL	TARIKH/MASA	TEMPAT	KEHADIRAN
1	24/2/2016 @ 2.30pm	Bilik Mesyuarat Mawar	23
2	20/6/2016 @ 2.30pm	Bilik Mesyuarat Mawar	34
3	26/7/2016 @ 2.30pm	Bilik Mesyuarat Mawar	41
4	17/10/2016 @ 2.30pm	Bilik Mesyuarat Mawar	38
5	15/11/2016 @ 2.30pm	Bilik Mesyuarat Cempaka	27
6	14/12/2016 @ 2.30pm	Bilik Mesyuarat Mawar	34
<b>JUMLAH</b>			<b>197</b>

Mesyuarat Kawalan Jangkitan & Antibiotik Peringkat Hospital 2016

BIL	TARIKH/MASA	TEMPAT	KEHADIRAN
1	25/4/2016 @ 2.30pm	Bilik Mesyuarat Cempaka	30
2	29/6/2016 @ 2.30pm	Bilik Mesyuarat Cempaka	29
3	29/9/2016 @ 2.30pm	Bilik Mesyuarat Cempaka	18
<b>JUMLAH</b>			<b>77</b>

Mesyuarat Kawalan Infeksi & Antibiotik Peringkat Negeri 2016

BIL	TARIKH/MASA	TEMPAT	KEHADIRAN
1	8/3/2016 @ 2.30pm	JKN, KOMTAR	6
2	18/11/2016 @ 9.30am	JKN, KOMTAR	7
<b>JUMLAH</b>			<b>13</b>

Latihan/Cme/Kursus/Orientasi Kawalan Jangkitan Tahun 2016

BIL	PERKARA	KEKERAPAN	JUMLAH
1	Orientasi Pegawai Baharu	17 kali	MO-65/HO-93/ Peg Farmasi (PRP)-14 <b>Jumlah = 172 orang</b>
2	Orientasi Jururawat Baharu	2 kali (23/3 & 27/9)	64 orang
3	Kursus Orientasi Jabatan	4 kali (19-20/10, 20-21/6, 21-22/1, 4-5/4)	200 orang
4	Kursus Kawalan Jangkitan	2 kali (28-29/3, 20/9)	118 orang
5	Latihan Hand Hygiene oleh ICLP wad	Setiap bulan	1512 staf
6	Latihan Kawalan jangkitan	Sepanjang tahun	MO-131 / HO-260 PPP-36 / JT-431 / PJ-14 KJ-68 / PPK-48 / Pakar-14 JM-19 / PPW-22 / STN-58 Others-328 <b>Jumlah = 1429 orang</b>

Ujian Steriliti Air Sampling Tahun 2016

BIL	PERKARA	KEKERAPAN	TARIKH
1	Bilik Penyediaan TPN (Total Parenteral Nutrition) Jabatan Farmasi.	4 kali	28/1/2016 6/5/2016 5/10/2016 13/12/2016
2	Dewan Bedah, HBM (OT 1,2,&3)	1 kali	22/9/2016
3	Jabatan EMTS	1 kali	6 swab diambil pada 19/7/2016 ( <i>air-conditioner outlet</i> )
4	Dewan Bedah, HSJ (OT 1,2,3,4&5)	6 kali	11/3/2016 21/6/2016 10/10/2016 3,25,26/11/2016

**v. Kempen Yang Dijalankan**

Hand Hygiene Champion Tahun 2016

BULAN	WAD
Jan-Mac	Wad 1 (Paeds)
Apr-Jun	Wad 1 (Paeds)
July-Sept	Wad 1 (Paeds)
Okt-Dec	Wad 1 (Paeds)

BIL	TAJUK	TARIKH/TEMPAT
1	Kempen Antibiotic Awareness	16-17 November 2016 @ Foyer
2	Competition World Hand Hygiene Dance Peringkat Negeri Pulau Pinang	24 mei 2016 @ ACC, HPP
3	Patient Safety Goals	24 march 2016 @ Foyer
4	Pameran Nurses Day & Kempen Hand Hygiene	20 mei 2016 @ foyer
5	Antibiotic (AMS) Rounds	Setiap hari Selasa @ 11.00am

**25.5 PENCAPAIAN**

- KPI Hand Hygiene tercapai >75% (Standard KKM).
- Menyertai pertandingan tarian Hand Hygiene peringkat negeri, mendapat hadiah saguhati.

**25.6 RUMUSAN**

Pencapaian Unit Kawalan Jangkitan sepanjang tahun 2016 secara keseluruhan telah tercapai dalam semua aktiviti yang dijalankan. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan secara berterusan dengan bantuan penyelaras yang dilantik. Langkah untuk meninggikan profil dan kepentingan aktiviti kawalan jangkitan akan diberi penekanan yang lebih bagi menjamin persekitaran yang selamat kepada pesakit dan kakitangan Hospital Seberang Jaya.

## 26.0 PENGENALAN

Unit Perubatan Forensik Hospital Seberang Jaya menyediakan perkhidmatan diagnostik terutama bagi kes-kes yang melibatkan pemeriksaan bedah siasat. Disamping itu, unit ini menyediakan penerimaan, penyimpanan, penyerahan mayat, pemeriksaan autopsi klinikal ataupun medikolegal turut disediakan. Unit ini menjadi pusat rujukan forensik bagi 3 hospital berdekatan iaitu Hospital Bukit Mertajam, Hospital Sungai Bakap dan Hospital Kepala Batas yang terletak di Seberang Perai. Diantara kelengkapan-kelengkapan utama yang terdapat di unit ini adalah 12 peti sejuk mayat iaitu 6 peti sejuk mayat untuk orang beragama Islam dan 6 peti sejuk mayat untuk orang bukan Islam. Disamping itu terdapat 2 bilik bedahsiasat, 1 untuk orang beragama Islam dan 1 untuk orang bukan Islam. Terdapat juga 1 bilik pengurusan jenazah Islam dan 1 bilik pengurusan mayat bukan Islam. Pakar Perubatan Forensik Hospital Pulau Pinang merupakan ketua aktiviti yang memantau aktiviti, memberi arahan serta melakukan tugas untuk kes-kes berprofile tinggi.

### 26.1 OBJEKTIF

- i. Mengurus penerimaan, penyimpanan dan penyerahan mayat kepada pihak yang berhak menuntut.
- ii. Menyediakan kemudahan tempat penyimpanan mayat yang selamat dan sempurna sebelum dituntut.
- iii. Menyediakan kemudahan melakukan bedahsiasat untuk mengetahui sebab kematian.
- iv. Mengurus mayat tiada waris dan tidak dituntut.
- v. Mayat yang perlu dibedahsiasat:
  - Kes medikolegal (perundangan).
  - Mayat yang tidak diketahui sebab kematiannya.
  - Mayat yang perlu dibuat kajian-klinikal postmortem.

### 26.2 PERJAWATAN

Jadual 1 : Perjawatan di Unit Forensik

BIL	JAWATAN	JUMLAH
1.	Pegawai Perubatan UD48	2
2.	Pegawai Perubatan UD44	3
3.	Penolong Pegawai Perubatan U32	1
4.	Penolong Pegawai Perubatan U29	2
5.	Pembantu Perawatan Kesihatan U11	3

## 26.3 PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN




- i. Penerimaan dan penyerahan mayat dari dalam dan luar hospital.
- ii. Bedah siasat mayat.
- iii. Bedah siasat mayat di lain-lain hospital.
- iv. Pengurusan mayat yang tidak dituntut.
- v. Pengendalian mayat-mayat berinfeksi.
- vi. Pengurusan anggota badan yang dipotong.
- vii. Lawatan tempat kejadian jenayah( *crime scene investigation*)
- viii. Perkhidmatan perundingan forensik- kes medicolegal dan klinikal forensik.
- ix. Melatih dan menyelidiki dalam bidang forensik (*histopathology*)
- x. Nasihat kepada saudara gemulah yang menghadapi masalah pengurusan mayat (*grief and bereavement*).
- xi. Pengendalian mayat dari luar negara melalui kedutaan masing masing.
- xii. Pendermaan tisu / organ bagi kes-kes yang berpotensi.

## 26.5 AKTIVITI YANG DIJALANKAN


Jadual 2 : Aktiviti Dijalankan Sepanjang Tahun 2016

BIL	AKTIVITI	JAWATAN	LOKASI	TARIKH
1.	CME	Pegawai Perubatan Penolong Pegawai Perubatan Pembantu Perawatan Kesihatan	Jabatan Perubatan Forensik Hospital Pulau Pinang.	Setiap Minggu
2.	Meeting Under 5 And Maternal Death	Pegawai Perubatan	JKN Pulau Pinang	Setiap Bulan
3.	National Forensic Medicine Conference	Pegawai Perubatan Penolong Pegawai Perubatan	Fakulti Perubatan UITM Sungai Buloh Selangor	31/05/2016 - 02/06/2016
4.	Seminar One Stop Crisis Center	Pegawai Perubatan Penolong Pegawai Perubatan	USM Pulau Pinang	13/07/2016 - 15/07/2016
5.	1 <sup>st</sup> Conference Forensic Medicine For Paramedic	Pegawai Perubatan Penolong Pegawai Perubatan	Jabatan Perubatan Forensik Hospital Pulau Pinang.	26/10/2016 - 27/10/2016
6.	Latihan Drill Kemalangan Radiasi Peringkat Pulau Pinang	Pegawai Perubatan Penolong Pegawai Perubatan Pembantu Perawatan Kesihatan	Hospital Seberang Jaya	24/03/2016
7	Siasatan di tempat kejadian ( <i>Crime Scene Investigation</i> )	Pakar Perubatan Forensik Pegawai Perubatan Penolong Pegawai Perubatan Pembantu Perawatan Kesihatan	Sekitar Seberang Perai Pulau Pinang	Sepanjang Tahun 2016


## 26.6 PENCAPAIAN




**JUMLAH POST MORTEM  
SEPANJANG TAHUN 2014 HINGGA 2016**




**JUMLAH POST MORTEM YANG DILAKUKAN PAKAR  
DAN PEGAWAI PERUBATAN  
SEPANJANG TAHUN 2014 HINGGA 2016**



**KES CRIME SCENE SEPANJANG TAHUN  
2014 HINGGA 2016**





Jadual 3 : Key Performance Indicator (Kpi) 2016

NO.	KPI	PERFORMANCE
1.	Percentage of completeness in registration of deaths from the wards for non-police cases by the Forensic Medicine Department/Forensic Unit >75%	100.00%
2.	Percentage of bodies released to the right claimant	100.00%
3.	Number of bodies(non-police cases) released to the appropriate claimant within 3hours from the time of receipt of body at Forensic Medicine Department/Forensic Unit :<75%	78.95%
4.	Number of forensic/medico-legal autopsies on police/medico-legal cases performed <48hours by Forensic Specialist >80%	100.00%

## 26.7 RUMUSAN

Unit ini merupakan pusat rujukan untuk lain-lain hospital di Seberang Perai dan berusaha memenuhi perkhidmatan perubatan forensik mengikut garis panduan yang ditetapkan dengan cemerlang dan effisyen. Perkhidmatan di unit ini akan dipertingkatkan dan diperluaskan untuk mengendali kes-kes kematian bawah umur 5 tahun (*under 5*) dan kematian ibu mengandung (*maternal death*).Unit ini akan memperluaskan perkhidmatan dalam melatih anggota kesihatan yang terdiri daripada Pegawai Perubatan Siswazah, Pelatih Pos Basik Penolong Pegawai Perubatan, Pembantu Perawatan Kesihatan Tahap 3 dan Jururawat Terlatih.



## 27.0 PENGENALAN

# LAPORAN UNIT PENYELIDIKAN KLINIKAL

Pusat Penyelidikan Klinikal (CRC) Seberang Jaya telah ditubuhkan di Hospital Seberang Jaya pada 10 Jun 2011. Portfolio utama CRC adalah untuk menggalakkan budaya penyelidikan di kalangan anggota-anggota hospital dan meningkatkan hasil penyelidikan dari Hospital Seberang Jaya. CRC berfungsi dalam menyediakan perkhidmatan penyelidikan klinikal kepada penyelidik-penyelidik dari institusi awam dan industri. Disokong dengan kecanggihan teknologi, CRC dikenali dengan rekod yang cemerlang dalam menyediakan pembelajaran klinikal dalam masa yang ditetapkan, berdasarkan belanjawan dan piawaian etika yang tertinggi.

## 27.1 OBJEKTIF

- Memantau pendaftaran dan kelulusan untuk menjalankan penyelidikan.
- Selaras dengan garis panduan Institut Kesihatan Kebangsaan(NIH) di dalam Surat Pekeliling KPK Bil 9/2007, semua penyelidikan di Hospital Seberang Jaya perlu mendapat kelulusan Ketua Jabatan dan Pengarah Hospital.
- Memantau dan menyemak semua penyelidikan yang didaftar di laman web National Medical Research Register (NMRR) sebelum mendapat kelulusan.
- CRC akan memberi maklumbalas kepada penyelidik selepas pantauan dan semakan sebelum mendapat kelulusan Pengarah Hospital.
- Memberikan perkhidmatan dan menyediakan kemudahan serta sokongan kepada para penyelidik dalam menjalankan projek-projek penyelidikan dengan lebih licin, sempurna dan berkualiti.
- Menjalankan penyelidikan Investigator Initiated Research(IIR) dan Industrial Sponsored Research(ISR)

## 27.2 PERJAWATAN

Jadual1 :Perjawatan Di Pusat Penyelidikan Klinikal Bagi Tahun 2016

JAWATAN	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN	CATATAN
Pakar Perubatan Neurologi UD54	1	1	0	
Pakar Perubatan Geriatrik UD54	1	1	0	
Pegawai Perubatan (UD54,48,44,41)	6	4	2	
Pegawai Farmasi (D41,44,48,52,54)	2	2	0	
Pegawai Penyelidikan(Q41,44,48,52,54)	2	2	0	
Ketua Jururawat U32	1	1	0	
Jururawat U29	2	0	2	
Pembantu Perawatan Kesihatan U3	1	0	1	
Pembantu Tadbir N 17	1	0	1	

## 27.3 PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

- Menjalankan Penyelidikan Klinikal seperti *Investigators Initiated trial*, *Industrial Sponsored Research* dan *Bio-Availability and Bio-Equivalent Study*.
- Membantu dalam proses pengurusan dan pengendalian penyelidikan untuk staf-staf hospital.
- Menyediakan kemudahan untuk para penyelidik.
- Memantau pendaftaran kajian penyelidik samada telah mendapat kelulusan Ketua Jabatan dan Pengarah Hospital.
- Mengendalikan kursus-kursus berkaitan penyelidikan.
- Menyediakan kemudahan-kemudahan seperti berikut :-
  - Protocol development
  - Clinical research planning and coordination
  - Clinical data management
  - Clinical Trial Unit ward
  - Specimen handling
  - Drug storage room
  - Specimen storage
  - Discussion room
  - Computer laboratory Room
  - Centrifuge
  - Biomedical freezer
    - 80degree freezer
  - Thermoguard(temperature monitoring system)
  - Pharmacology freezer
  - Internet connectivity
  - Grant Application
  - Project Management
  - IRB/IEC submission
  - Trial Initiation
  - Trial Monitoring
  - Site Management
  - Study report writing
  - Help with the submission for publication

- Pusat Penyelidikan Klinikal, Hospital Seberang Jaya juga membantu dan memberi latihan kepada para penyelidik, pembantu penyelidik dan staf yang terlibat dalam penyelidikan. Di antara bidang-bidang tersebut adalah seperti berikut:
  - Good Clinical Practice
  - Evidence Based Medicine (EBM)
  - Introduction To Clinical Research
  - Research methodology
  - Case Study Writing Workshop
  - Biostatistics
  - Statistical software seperti SPSS, STATA
  - Health System Research
  - Systematic Review
  - National Conference For Clinical Research
  - National Medical Research Register Hands-On
  - Protocol Development Workshop
- CRC akan memainkan peranan dalam menjalankan dan mempromosi penyelidikan:
  - Mengenalpasti para penyelidik yang berpotensi dan memberi latihan kepada mereka supaya dapat menjayakan aktiviti-aktiviti penyelidikan yang diceburi.
  - Mengenalpasti bidang atau projek penyelidikan yang perlu diberi keutamaan berdasar corak penyakit semasa bersesuaian dengan keperluan negara.
  - Memberi cadangan dan menjalankan metodologi penyelidikan serta memberi "*protected time*" untuk penyelidik klinikal menjalankan aktiviti penyelidikan.

## 27.4 AKTIVITI YANG DIJALANKAN

### Latihan

- Good Clinical Practice (26-28 /04/2016) bertempat di IPHARM,USM (30 PESERTA)
- Good Clinical Practice(06-08/09/2016) bertempat di IPHARM,USM(28 PESERTA)
- Introduction To Clinical Research (12-13/10/2016) DEWAN MUTIARA, HOSPITAL SEBERANG JAYA (84 PESERTA)
- Evidence Base Medicine(21-23/12/2016 )PMC,PENANG (55 PESERTA)

### Penyaringan Subjek Kajian

- Screening kajian ( Epigenetic Biomarkers Of Impaired Glucose Regulation and Progression To Type 2 Diabetes) di semua Pejabat Kesihatan daerah Timur Laut, Barat daya, seberang Perai Utara, Tengah dan Selatan seminggu sekali.
- Screening kajian ( Epigenetic Biomarkers Of Impaired Glucose Regulation and Progression To Type 2 Diabetes) di Bukit DO pada 23/9/16, Hainan Society(14/10/16)
- Mesyuarat di HOSPITAL PANTAI- (site engagement visit) pada 20 JAN 2016 untuk projek kajian **SATURN**

- Mesyuarat *IMAGING RESEARCH* di IPPT . 9 MARCH 2016
- Mesyuarat *Site Selection Visit* di HOSPITAL SERDANG 29 AUGUST 2016 –
- Mesyuarat *Site Initiation* di HOSPITAL SERDANG 1 DECEMBER 2016

## 27.5 PENCAPAIAN


- Anugerah "First Runner Up" dalam "Ministry Of Health Innovations And Research Award 2016" di terima oleh Ketua Pusat Penyelidikan Klinikal.
- Konsultasi

Jadual 2: Jumlah Konsultasi Di Pusat Penyelidikan Klinikal Hospital SeberangJaya Bagi Tahun 2016


PERKHIDMATAN DIPERLUKAN	JUMLAH KONSULTASI
Proposal/ Protocol Development	12
Statistical Planning	5
Data management	7
Data Analysis	8
NMRR	23
SPSS	4
Assisst In Submission Of Research Papers	0
Sample Size Calculation	2
HRRC	26

- Penyelidikan

Graf 1: Penyelidikan Yang Dilaksanakan Di Hospital Seberang Jaya bagi Tahun 2014 Hingga 2016



## KONSULTASI PUSAT PENYELIDIKAN KLINIKAL HOSPITAL SEBERANG JAYA



CRC HSJ	WORKLOAD	SERVICE PROVIDED (YES,NO)	NUMBER DONE IN 2016
<b>1. Research Consultation Services</b>	1. NMRR online registration	YES	<b>26</b>
	2. Protocol development	YES	<b>14</b>
	3. Literature search	YES	0
	4. Review of research protocol for IIR	YES	0
	5. Statistical consultation	YES	<b>14</b>
	6. Manuscript write up	YES	0
	7. Assist in submission of research papers for publication	YES	0
	8. Assist in Grant application	YES	0

	9. Hospital Research Review Committee/number of protocol reviewed	YES	<b>36</b>	
<b>2. Research Output</b>	1. Total No. of new protocols registered to NMRR for your hospital:	YES	<b>9</b>	
	2. No. of new IIR Protocol approved by MREC	YES	<b>13</b>	
	3. No. of new ISR Protocol approved by MREC	YES	<b>1</b>	
	3. No. of IIR in Hospital:			
	3.1 New:	YES	<b>13</b>	
	3.1.1. Involving CRC Staff	YES	<b>3</b>	
	3.1.2. By others	YES	<b>10</b>	
	3.2 On going	(Involving CRC Staff)	<b>9</b>	
	3.3 Total		<b>22</b>	
	4. No. of ISR in Hospital:			
	4.1 New	YES	<b>1</b>	
	4.2 On going	YES	<b>9</b>	
	<b>3. Feasibility Studies</b>	1. No. of feasibility studies done	YES	<b>36</b>
2. No. of feasibility studies which resulted in site being selected		YES	<b>1</b>	

Bil	Tajuk Pembentangan	Nama Pembentang	Tarikh dan Tempat
<b>Pembentangan Dalam Negara</b>			
<b>IMR</b>			
1	Demographic and clinical of multiple sclerosis patient in hospital seberang jaya Purnima Devi, Ang Choon Seong and Irene Looi AOCN 2016 - Asian and Oceanian Congress of Neurology 2016	Dr Purnima Devi	AOCN 2016 - Asian and Oceanian Congress of Neurology 2016
2	Gender differences in Acute Stroke Outcome in Hospital Seberang Jaya- Long SP, Ang CS, I Looi,Norsima NS,Zariah AA AOCN 2016 - Asian and Oceanian Congress of Neurology 2016	Dr Long Soo Peng	AOCN 2016 - Asian and Oceanian Congress of Neurology 2016
3	Acute Stroke-Door to CT brain time. Are we fast enough in Hospital Seberang Jaya? Long SP, Ang CS, I Looi,Norsima NS,Zariah AA AOCN 2016 - Asian and Oceanian Congress of Neurology 2016	Dr Long Soo Peng	AOCN 2016 - Asian and Oceanian Congress of Neurology 2016
4	Are Patients FAST enough? Onset-to-door Time (OTD) of stroke Patients in Hospital Seberang Jaya Ang C.S, Long S.P, Looi Irene, Nazirah S.N, Zariah A.A AOCN 2016 - Asian and Oceanian Congress of Neurology 2016	Dr Ang Choon Seong	AOCN 2016 - Asian and Oceanian Congress of Neurology 2016

5	Validation of the Malay version of Cambridge-Hopkins Restless Legs Syndrome Short Form 2 Diagnostic Questionnaire (CH-RLSQ13) Long SP, Hor CP YL Lee, MSamy Michelle Looi Irene, Pereirasamy Lalitha Malaysia Thoracic Society Congress 2016	Dr Pereirasamy Lalitha	Malaysia Thoracic Society Congress 2016
6	Improving the management of Common Mental Disorders (CMDs) in Penang, Malaysia Loo CE, Bharathy A, Vasudevan U, Looi I, Tang WS, Rokiah M, Russell V PMC Research Day 2016	Dr Loo Ching Ee	PMC Research Day 2016
7	Risk Factors Associated with Stroke in a District Hospital: Seberang Jaya. Loo CE, Long SP, Sidek NN, Looi I, Aziz Z 10th National Conference for Clinical Research 2016	Dr Long Soo Peng	10th National Conference for Clinical Research 2016
8	Complications of acute stroke and the impact on length of hospital stay in hospital seberang jaya Awatif MR, Long SP, Nor Faizah A, Norsima NS, Looi I, Zariah AA 10th National Conference for Clinical Research 2016	Awatif Binti Abdul Rashid	10th National Conference for Clinical Research 2016
9	Clinical audit on correct risk assessment for venous thromboembolism and anticoagulant prescribed among post-natal patients Vimaladevi A, Vinvie Hwh, Tan Sy, Mairin D, Balanathan K.	Dr Vimala Devi	11th National Conference for Clinical Research 2016
